

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2019

HARI RABU : 13 MAC 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
[JELI]
TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)**

SOALAN NO. 1

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah Kerajaan akan mengemukakan bantahan rasmi kepada World Trade Organisation (WTO) berhubung cadangan Kesatuan Eropah untuk melarang penggunaan minyak sawit dalam biofuel mulai 2021. Apakah kerjasama yang dijalin Malaysia dan Indonesia untuk menangani perkara berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menyuarakan kebimbangan Malaysia berkenaan isu diskriminasi minyak sawit oleh Kesatuan Eropah (EU) dengan mengemukakan bantahan rasmi di pelbagai mesyuarat peringkat Jawatankuasa Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) sejak tahun 2017. Antaranya adalah di mesyuarat Jawatankuasa Halangan Teknikal Perdagangan (*Technical Barriers to Trade - TBT*), Majlis bagi Perdagangan Barangan (*Council for Trade in Goods - CTG*) dan Mesyuarat Jawatankuasa Perdagangan dan Alam Sekitar (*Trade and Environment Committee - CTE*).

2. Dalam pada masa yang sama, Malaysia juga telah membangkitkan isu diskriminasi minyak sawit ini sebagai *Specific Trade Concern (STC)*, dengan izin, di Mesyuarat Jawatankuasa TBT dalam usaha untuk memberi tekanan kepada Kesatuan Eropah agar mempertimbangkan semula cadangan pelaksanaan peraturan terbaru tersebut. Selaku negara anggota WTO, Malaysia juga mempunyai pilihan untuk membawa isu ini ke peringkat Badan Penyelesaian Pertikaian (*Dispute Settlement Body - DSB*) WTO di masa akan datang. Walau bagaimanapun, ini hanya dapat dilakukan setelah kaedah pelaksanaan dan isi kandungan peraturan terbaharu berkenaan diterbitkan dengan lebih jelas oleh pihak Kesatuan Eropah, bagi membolehkan negara-negara Ahli WTO yang terjejas menilai dengan lebih teliti aspek-aspek yang bercanggah dengan peraturan-peraturan WTO.

3. Selain itu, inisiatif lain yang telah dilakukan oleh Kerajaan di peringkat WTO adalah dengan mewujudkan satu gabungan yang dikenali sebagai *Friends of Palm Oil (FPO)* di Geneva bermula pada April 2017. Gabungan FPO ini adalah terdiri dari perwakilan negara-negara pengeluar utama minyak sawit dunia di WTO iaitu Malaysia, Indonesia, Thailand, Colombia, Guatemala, Ecuador, Costa Rica dan Honduras. Antara tindakan yang telah diambil oleh ahli-ahli FPO adalah untuk menyuarakan bantahan secara bersama di pelbagai mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa WTO. FPO juga telah menganjurkan sesi khas semasa Forum Awam WTO 2017 pada 26 September 2017 dalam usaha untuk memperbetulkan persepsi negatif terhadap minyak sawit berdasarkan bukti fakta dan saintifik.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Berhubung kerjasama yang dijalin antara Malaysia dan Indonesia, selain tindakan-tindakan yang diambil di bawah gabungan FPO seperti yang dinyatakan tadi, Malaysia dan Indonesia telah bersama-sama mendapatkan sokongan daripada negara-negara ASEAN yang lain bagi menggesa supaya peringkat hubungan antara ASEAN dan Kesatuan Eropah (EU) ditangguhkan daripada status Rakan Dialog kepada Perkongsian Strategik sehingga isu larangan minyak sawit diselesaikan. Pandangan tersebut telah dipersetujui dan disuarakan semasa Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN-EU Ke-22 (AEMM) pada 21 Januari 2019 di Brussels, Belgium. Rentetan dari itu EU dan ASEAN akan berkerjasama lebih erat dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan minyak sawit dengan cara yang lebih konstruktif.

5. Selain itu, Malaysia dan Indonesia juga telah menubuhkan *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) pada 21 November 2015 sebagai platform bagi negara-negara pengeluar sawit meningkatkan kerjasama di dalam pembangunan industri sawit serta menangkis kempen anti minyak sawit dan halangan perdagangan. Melalui CPOPC juga, kerjasama dua hala di antara Malaysia dan Indonesia yang merupakan pengeluar utama minyak sawit dunia dapat diperkukuhkan. Pelbagai usaha dan kerjasama di bawah CPOPC, antaranya adalah:

- i. Kolaborasi bersama *United Nations Conference on Trade and Development* (UNCTAD) dan *Food and Agriculture Organization* (FAO) untuk memperkukuhkan imej minyak sawit;
- ii. mengemukakan maklumbalas secara bertulis kepada pihak-pihak berkaitan terhadap isu kempen anti minyak sawit;
- iii. Penglibatan dalam persidangan antarabangsa seperti *European Palm Oil Alliance Conference* dan *WTO Public Forum* bagi menerangkan perspektif negara penanam sawit dalam pengeluaran minyak sawit mampan; dan
- iv. Menganjurkan *Inaugural Ministerial Meeting of Palm Oil Producing Countries* (IMMPOPC) yang turut dihadiri oleh negara pengeluar minyak sawit yang lain seperti Thailand, Colombia, Guatemala dan Nigeria.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF [RANTAU PANJANG]
TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 2

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik bilangan pusat asuhan kanak-kanak di seluruh negara dan apakah langkah yang diambil bagi memastikan keselamatan anak-anak terjaga di bawah pengasuh yang terlatih.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik bilangan TASKA berdaftar dengan JKM sehingga Januari 2019 adalah sebanyak **4,466** buah. Bagi memastikan keselamatan anak-anak terjaga di bawah pengasuh terlatih, pihak kementerian mengambil beberapa inisiatif seperti berikut:

1. Memantapkan lagi kualiti pemantauan ke atas TASKA oleh Pegawai Diberi Kuasa (PDBK) TASKA dengan menghantar 33 orang PDBK mengikuti Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA MOOC (KAP) secara online yang dilaksanakan oleh UPSI Holding Sdn Bhd dan 36 orang PDBK/Pegawai Institusi mengikuti KAP secara konvensional selama 28 hari yang dilaksanakan oleh Institut Sosial Malaysia.
2. Mengadakan kursus berkaitan kepada pengasuh TASKA di Rumah melalui kerjasama NGO seperti Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM).
3. Menyediakan status pendaftaran TASKA yang terkini di portal rasmi JKM bagi memudahkan semakan ibu bapa sebelum menghantar anak. Laman sesawangnya www.jkm.gov.my.
4. Menyediakan info grafik panduan pemilihan pengasuh di rumah yang dilancarkan pada November 2018 memberi kemudahan kepada ibu bapa semasa memilih pengasuh dan selepas menghantar anak. Info grafik ini telah pun saya hantar kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk disebar kepada persatuan penduduk dan juga rukun tetangga.
5. Kerap menghadiri program meningkatkan kesedaran ibu bapa dan masyarakat tentang kepentingan TASKA berdaftar. Ini adalah program Jom Daftar.

SOALAN NO. 2

6. Kementerian telah menjalankan program pemutihan TASKA di Putrajaya untuk mengenalpasti semua kawasan perumahan di Putrajaya bagi mengumpul maklum balas daripada pengusaha TASKA yang tidak berdaftar dan usaha ini masih berjalan. Hasil pemutihan didapati 49 buah taska institusi dikenal pasti tidak berdaftar dan telah diberi khidmat nasihat bagi membantu taska-taska ini berdaftar.

7. Pada tahun ini, RM 10 juta diperuntukkan dalam Bajet 2019 untuk geran penubuhan TASKA di Tempat Kerja sektor awam dan telah dibuka permohonan dari 24 Januari hingga 7 Februari 2019 kepada semua agensi Kerajaan yang tidak mempunyai TASKA. Sebanyak 101 permohonan diterima dan Kementerian juga telah mendapati terdapat 541 agensi Kerajaan termasuk agensi Kerajaan negeri tidak mempunyai TASKA di tempat kerja. Jadi itu usaha terkini yang telah dilakukan untuk meningkatkan lagi jumlah TASKA yang berdaftar bagi menjamin keselamatan kanak-kanak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
[KANGAR]**

TARIKH : 13 MAC 2019 [RABU]

SOALAN NO. 3

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha-usaha yang dirancang bagi memastikan pendapatan kaum petani, pesawah dan nelayan meningkat secara signifikan dalam tempoh sederhana.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon soalan ini dijawab bersama 5 soalan yang lain kerana menyentuh isu yang sama berkaitan langkah-langkah untuk meningkatkan sosioekonomi petani, penternak, nelayan dan pekebun kecil seperti berikut:

- i. 14 Mac 2019 oleh YB Tanah Merah
- ii. 21 Mac 2019 oleh YB Igan
- iii. 27 Mac 2019 oleh YB Tanjong Manis
- iv. 1 April 2019 oleh YB Kota Tinggi
- v. 8 April 2019 oleh YB Ledang

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan **pendapatan kaum petani, penternak, pesawah, nelayan, pekebun getah dan pekebun kecil dapat ditingkatkan secara lebih signifikan** dalam tempoh sederhana agar taraf sosioekonomi kelompok ini dapat diperbaiki. Justeru, antara perancangan yang dibuat dan usaha-usaha yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

- (a) Menggiatkan keterlibatan petani, pesawah, penternak dan nelayan secara aktif dalam program-program khusus yang boleh meningkatkan pengeluaran dan seterusnya menjana hasil pendapatan yang lebih baik seperti berikut :
 - i. **Bagi sektor tanaman**, melibatkan kumpulan petani dengan program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) bagi tanaman jangka pendek dan sederhana, Pembangunan Tanaman secara Kluster seperti tanaman kontan, Pembangunan Ladang Organik, Program Ekonomi Gantian Tembakau dan Pembangunan Tanah Terbiar. Manakala bagi kumpulan pesawah, pemberian insentif seperti baja, racun dan

SOALAN NO : 3

pengapuran, serta pemberian kredit input pertanian dapat meningkatkan penglibatan pesawah dan secara tidak langsung dapat memberi pendapatan tambahan kepada mereka;

- ii. **Bagi sektor ternakan**, program pembangunan tanaman rumput napier secara *homeplot* sebagai salah satu sumber makanan ternakan di bawah program pembangunan industri tenusu negara dapat membantu petani untuk meningkatkan pendapatan; dan
 - iii. **Bagi sektor perikanan** pula pemodenan vesel penangkapan ikan selaras dengan instrumen antarabangsa dan program akuakultur secara kluster turut dibuat bagi meningkatkan nilai pengeluaran dan jaminan pasaran.
- (b) Menyediakan **bantuan, subsidi dan insentif bagi menggalakkan peningkatan pengeluaran** antaranya insentif peningkatan hasil tanaman, pemberian bantuan ternakan, program baik pulih kandang, pemberian mesin perincih, insentif pendaratan ikan, skim subsidi minyak dan kemudahan dana nelayan bagi peningkatan keupayaan vesel dan alat penangkapan ikan sedia ada, serta bantuan peralatan nelayan seperti bot fiber dan enjin sangkut melalui program Azam Tani (Rezeki Tani) kepada nelayan-nelayan yang layak dan memenuhi syarat-syarat iaitu berdaftar dengan E-kasih.
- (c) Menggalakkan **penerapan Amalan Pertanian Baik dalam pelaksanaan projek pertanian iaitu myGAP dan myOrganic** di sepanjang rantai nilai bagi meningkatkan produktiviti berikutan sistem pengurusan ladang yang lebih sistematik. **Pemindahan teknologi** juga berupaya meningkatkan produktiviti dan pendapatan pengusaha seperti pelaksanaan program pembiakbakaan melalui kaedah pernianian beradas (*Artificial Insemination*) dalam sektor ternakan, pemerksaan penggunaan teknologi ICT dalam sektor perikanan dengan aplikasi pangkalan data berpusat, dan *Internet of Things* (IOT) dalam pengeluaran tanaman seperti cili;

SOALAN NO : 3

- (d) Dalam aspek kemahiran, **latihan disediakan bagi meningkatkan kecekapan produktiviti**, kawalan penyakit selain memperkasakan kemahiran nelayan-nelayan tempatan melalui latihan pengendalian vesel dan alat penangkapan ikan di samping mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing;
- (e) **Mewujudkan ruang pasaran bagi produk-produk pertanian** untuk dipasarkan secara langsung bagi memberi jaminan pasaran dan pulangan yang lebih tinggi kepada pengeluar seperti program Ladang Kontrak, KUKUH (Program Pengukuhan Bekalan Ladang kontrak ke Pasaran), pasar tani dan seumpamanya; yang mampu menambah pendapatan petani dan pengusaha;
- (f) **Membangunkan industri hiliran asas tani** bagi menambah nilai kepada aktiviti pengeluaran yang mampu memberikan hasil pendapatan yang lebih tinggi kepada pengusaha. Sehingga Februari 2019, antara program yang telah diwujudkan adalah pembangunan usahawan Industri Asas Tani (IAT) melalui Program Geran Pemandanan, Pembangunan Pusat Pemprosesan, Pembangunan Modal Insan serta Pembangunan dan Penjenamaan Produk dengan penglibatan seramai 16,512 usahawan. Aktiviti ekonomi nelayan juga diperkukuhkan melalui penglibatan persatuan nelayan dalam semua rantai; dan
- (g) Pelaksanaan **Program Agropreneur Muda** dengan pengenalan kreativiti dan inovasi serta teknologi yang berupaya meningkatkan produktiviti hasil tani sekaligus menjana pendapatan kepada Agropreneur Muda. Sehingga Ogos 2018, sebanyak 21,768 belia telah terlibat dalam program ini.

Selain itu, bagi meningkatkan pendapatan dan sosioekonomi peneroka, pekebun getah dan pekebun kecil, usaha-usaha seperti melaksanakan tanaman selingan (*intercropping*) dan sulaman turut dijalankan, selain menggalakkan aktiviti ekonomi sampingan bagi menjana pendapatan tambahan dan seterusnya mengurangkan kebergantungan terhadap komoditi utama. Pengukuhan koperasi juga akan diteruskan sebagai agen pembangunan aktiviti ekonomi sampingan pekebun kecil.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI SALIM SHARIF
TARIKH : 13.03.2019 (RABU)**

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan keberkesanan mekanisme baharu untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat melalui subsidi petrol RON95 secara bersasar dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat luar bandar yang terletak jauh di pedalaman serta berjauhan dari stesen minyak.

NO. SOALAN: 37

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR
TARIKH : 14.03.2019 (KHAMIS)**

Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah sistem subsidi bersasar bagi petrol RON95 yang akan dilaksanakan pada pertengahan tahun 2019 ini tidak akan membebankan rakyat semasa mengisi petrol di stesen minyak.

NO. SOALAN: 6

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN
RAZALI
TARIKH : 9.04.2019 (SELASA)**

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan mekanisme pengagihan subsidi petrol secara bersasar kepada motosikal 125cc dan kereta 1,500cc ke bawah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Terlebih dahulu izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersekali pertanyaan daripada **Yang Berhormat Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru]** pada 14 Mac 2019 dan **Yang Berhormat Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]** pada 9 April 2019 kerana menyentuh berkenaan mekanisme penyampaian subsidi petrol secara bersasar yang akan dilaksanakan pada suku tahun kedua 2019.

Pemberian subsidi petrol dan diesel secara pukal pada masa ini membolehkan semua lapisan pengguna menikmati harga runcit di pam tanpa mengira tahap pendapatan dan kerakyatan. Ini menyebabkan Kerajaan menanggung beban subsidi yang tinggi. Pelaksanaan subsidi bersasar adalah satu langkah Kerajaan bagi mengurangkan tanggungan subsidi dan pada masa yang sama dapat memastikan subsidi petrol dan diesel hanya dinikmati oleh golongan yang memerlukan sahaja.

Kerajaan akan memberikan **bantuan subsidi petrol sebanyak 30 sen seliter terhad kepada 100 liter sebulan bagi kereta atau 40 liter sebulan bagi motosikal**. Belanjawan 2019 telah mengumumkan peruntukan sebanyak **RM2 bilion bagi program subsidi petrol bersasar** ini dan dijangka akan memanfaatkan seramai 4 juta pemilik kereta dan 2.6 juta pemilik motosikal. Dengan bantuan subsidi ini, ia akan membantu **golongan B40 untuk membeli petrol pada harga yang lebih rendah**.

Kerajaan sedang memastikan mekanisme pemberian subsidi ini dapat mensasarkan hanya golongan yang benar-benar layak menerima bantuan, termasuk masyarakat luar bandar dan pedalaman. Mekanisme ini adalah penting supaya bantuan Kerajaan akan sampai kepada semua penerima walau di mana mereka berada.

NO. SOALAN: 4

Kementerian ini bekerjasama rapat dengan Kementerian Kewangan untuk memastikan ciri-ciri utama yang perlu ada pada mekanisme subsidi petrol bersasar adalah seperti berikut:

- i. **Seamless.** Sistem pelaksanaan subsidi bersasar mestilah berlangsung dalam keadaan lancar dan memudahkan pengguna.
- ii. **Security.** Sistem subsidi perlu mempunyai ciri-ciri keselamatan tinggi untuk mendapat kepercayaan orang awam bahawa sistem ini tidak boleh disalah guna dan mengurangkan berlaku ketirisan.
- iii. **Acceptance.** Sistem yang mudah dan boleh digunakan di semua stesen minyak yang terdapat di Malaysia sama ada di bandar atau luar bandar.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU
NAIDU [BATU GAJAH]**

TARIKH : **13.3.2019 (RABU)**

SOALAN : **5**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan peranan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat luar bandar. Adakah Kementerian bercadang untuk mengubahsuai atau menstruktur semula fungsi agensi ini sebagai langkah pemantapan dalam usaha meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tidak dinafikan KEMAS adalah salah sebuah Jabatan yang bertanggungjawab dalam pembangunan sosio-ekonomi masyarakat luar bandar. Antara peranan KEMAS adalah;

- 1) Memperkasakan pendidikan awal kanak-kanak melalui perkembangan sosio emosi, fizikal, intelek dan rohani berdasarkan piawaian/standard yang telah ditetapkan selari dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) dan Kurikulum PERMATA Negara;
- 2) Memberi latihan kemahiran yang berkualiti dan diiktiraf bagi mengupayakan ekonomi keluarga luar bandar;
- 3) Memperkasa sosio-ekonomi masyarakat luar bandar yang harmoni, berjaya dan sejahtera; dan
- 4) Meningkatkan pembangunan modal insan yang bersesuaian melalui program pembangunan sumber manusia yang berteraskan pembangunan kompetensi dan kemajuan kerjaya (*Attitude, Skills & Knowledge*).

Bagi mengukuhkan peranan anggota KEMAS sebagai penggerak kemajuan masyarakat dalam membangunkan sosio-ekonomi masyarakat luar Bandar, KEMAS telah melaksanakan penstrukturan semula dari segi hala tuju dan perjawatan anggota KEMAS.

Penjajaran fungsi, senarai tugas dan gerak kerja anggota KEMAS ini disusun semula mengikut bahagian operasi di KEMAS iaitu Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Pendidikan Kemahiran, dan Pembangunan Komuniti agar menjadi lebih kreatif dan berinovatif demi mencapai peningkatan produktiviti dalam melaksanakan tugas.

NO SOALAN : 5

Terdapat 5 teras strategi dibangunkan dan 25 inisiatif pemantapan kapasiti organisasi dilaksanakan iaitu;

- i. Mendaya upaya kepimpinan;
- ii. Memastikan pencapaian keberhasilan;
- iii. Memantapkan kapasiti organisasi;
- iv. Merangsang penglibatan rakyat; dan
- v. Menerapkan nilai-nilai murni

Penyusunan program/ aktiviti KEMAS sedia ada dan penstrukturan baru ini adalah selari dengan Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar yang telah dilancarkan KPLB bertemakan 'Luar Bandar Sejahtera' yang merupakan perancangan dan hala tuju pembangunan luar bandar bagi 5 tahun yang akan datang iaitu bermula tahun 2018 hingga 2023 berdasarkan aspirasi rakyat seperti mana yang terkandung didalam Manifesto Pakatan Harapan. Pelan ini bertujuan untuk menaik taraf dan meningkatkan kualiti hidup yang memenuhi keperluan sosioekonomi, fizikal, rohani dan sahsiah masyarakat luar bandar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,
PENGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLIBIN SHAARI
(PASIR MAS)**

TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan usaha-usaha Kerajaan dalam mengawal ruang pertahanan negara kita daripada serangan provokatif negara luar terutama daripada Singapura.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem Pertahanan Udara Negara sentiasa peka dan siapsiaga terhadap sebarang kemungkinan pencerobohan dan ancaman udara dalam memelihara kedaulatan dan keselamatan ruang udara negara dan kepentingannya. Sistem Perintah & Kawalan (*Command & Control System*) dalam Sistem Pertahanan Udara Negara (SPUN) diawasi (*manned*) secara berterusan dan pesawat pejuang sentiasa berada dalam keadaan siapsiaga (*on alert*). Sistem Pertahanan Udara Negara juga dilengkapi dengan beberapa Pelan Operasi dalam melaksanakan tanggungjawab pengawasan ruang udara (*airspace surveillance*), pemantauan ruang udara (*airspace policing*) dan tindakan penguatkuasaan (*enforcement action*).

Dalam melindungi kedaulatan ruang udara negara, beberapa Pelan Operasi khusus telah dirangka dan dilaksanakan. Pemantauan dilaksanakan secara berterusan dan segala maklumat akan direkod dan dikumpulkan. Sekiranya terdapat pesawat asing dikesan mencero bohi ruang udara negara, tindakan melancarkan (*scramble*) pesawat pejuang akan diambil sekiranya perlu bagi tujuan pengenalan pesawat, mengawasi pergerakan pesawat, sebagai tindakan memperagakan kehadiran (*show of presence*) dan tindakan penguatkuasaan. Laporan pencerobohan akan turut dimajukan ke Kementerian Luar Negeri (KLN) untuk tindakan Bantahan Diplomatik kepada negara berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK]
TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 7

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengubah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984, Akta 304 yang mana sangat terkait dengan sisa pembuangan Lynas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian sedang dalam proses akhir memuktamadkan pindaan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) sebelum dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara dan dibentangkan di Parlimen. Antara pindaan yang dicadangkan dalam Akta tersebut adalah penambahbaikan terhadap kawalan dan kawalselia keselamatan, sekuriti dan kawalgunaan bahan radioaktif/nuklear, dan pengurusan sisa radioaktif .

Untuk makluman juga, satu sesi taklimat mengenai penambahbaikan akta sedia ada dan stakeholders engagement bersama ahli parlimen telah diadakan pada 8 Oktober 2018 yang dipengerusikan oleh YB Menteri MESTECC.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF
[PETRAJAYA]**

TARIKH : 13.3.2019 (RABU)

SOALAN NO. 8

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah sudah ada mekanisme baru bagi peminjam PTPTN membayar pinjaman tanpa membebankan mereka seperti yang diumumkan tahun lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat dua pertanyaan lagi yang berhubung kait dengan isu mekanisme pembayaran PTPTN. Oleh itu, izinkan saya menjawab pertanyaan pada hari ini serentak dengan pertanyaan daripada:

- (i) YB Rembau pada 20 Mac 2019;**
- (ii) YB Lenggong pada 26 Mac 2019;**
- (iii) YB Tampin pada 2 April 2019; dan**
- (iv) YB Bukit Gelugor pada 3 April 2019.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri mengarahkan agar pelaksanaan Potongan Gaji Berjadual (PGB) peminjam PTPTN ditangguhkan pada 7 Disember 2018 bagi mendapat pandangan pemegang taruh susulan menerima maklumbalas daripada masyarakat.

Buat masa ini sesi libat urus sedang dijalankan melibatkan semua pihak yang berkepentingan seperti Persatuan Majikan, Persatuan Pekerja, Persatuan Belia, Majlis Perwakilan Pelajar, badan bukan Kerajaan dan lain-lain pemegang taruh yang akan dijalankan selama enam bulan bermula Januari 2019 hingga Jun 2019. Cadangan baharu serta implikasi kewangan bagi pelaksanaan skim PGB akan disediakan setelah mengambil kira semua pandangan daripada sesi tersebut.

SEMAK SEMASA JAWAPAN
EMBARGO
SEHINGGA DIJAWAB OLEH YB. MENTERI

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID

TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 9

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah dibolehkan sekiranya pekerja memohon cuti tanpa rekod untuk membuat ulangkaji dan persiapan bagi pekerja yang sedang mengikuti pengajian untuk mengambil peperiksaan. Sekiranya tidak, apakah pihak Kementerian bercadang untuk memberikan keistimewaan tersebut.

PN-1412- L02997

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Cadangan Yang Berhormat untuk memberi cuti tanpa rekod kepada pekerja membuat ulangkaji dan persiapan mengambil peperiksaan akan dibawa kepada *National Labour Advisory Council (NLAC)* supaya satu persetujuan dapat dicapai.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS
JOHNITY ONGKILI
KAWASAN : KOTA MARUDU
TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN :

YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan projek Pan Borneo di Sabah. Fasa mana yang telah digantung pelaksanaannya dan setakat ini berapakah peruntukan yang telah digunapakai daripada bajet asal bagi Negeri Sabah.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Terlebih dahulu, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan dari Ahli Parlimen Ranau yang dijadualkan pada keesokan hari, 14 Mac 2019 memandangkan ia menyentuh isu yang sama iaitu berkaitan status projek Lebuhraya Pan Borneo Negeri Sabah.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Negeri Sabah Fasa 1 telah dibahagikan kepada 35 pakej kerja dengan anggaran jarak keseluruhan sepanjang 706 km. Sehingga kini, 12 pakej kerja telah dibuat pelantikan kontraktor bagi tujuan kerja-kerja pembinaan. Walau bagaimanapun, terdapat satu kontraktor pakej kerja, iaitu melibatkan laluan Tawau ke Semporna telah ditamatkan kontrak disebabkan prestasi kontraktor pakej kerja berkenaan yang tidak memuaskan. Sehingga akhir Februari 2019, status kemajuan keseluruhan projek pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Negeri Sabah ialah 12.4% dengan melibatkan kos peruntukan yang telah dibelanjakan ialah sebanyak RM 609 juta.

Bagi menjawab soalan dari Ahli Parlimen Ranau, pakej kerja Lebuhraya Pan Borneo Negeri Sabah yang terlibat di kawasan Ranau ialah dari Ranau ke Kampung Nabutan, iaitu pakej kerja 35 (WP35) dengan anggaran jarak 31 km. Sehingga kini, pakej kerja ini masih belum ditender memandangkan penelitian ke atas reka bentuk masih dalam tindakan oleh juru perunding.

Tuan Yang Di-Pertua,

Berhubung dengan isu hala tuju pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Negeri Sabah, untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan Pusat bersama dengan Kerajaan Negeri Sabah pada masa kini sedang meneliti semula mekanisme pelaksanaan projek ini secara keseluruhan. Sehubungan

itu, penentuan berhubung hala tuju projek ini akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada akhir bulan Mac ini untuk pertimbangan Kerajaan Pusat.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN JONATHAN BIN YASIN
KAWASAN : RANAU
TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

YB TUAN JONATHAN BIN YASIN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah laluan jalan untuk projek Pan Borneo yang melalui daerah Ranau akan diteruskan dan jika diteruskan, bila akan dilaksanakan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Terlebih dahulu, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan dari Ahli Parlimen Ranau yang dijadualkan pada keesokan hari, 14 Mac 2019 memandangkan ia menyentuh isu yang sama iaitu berkaitan status projek Lebuhraya Pan Borneo Negeri Sabah.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Negeri Sabah Fasa 1 telah dibahagikan kepada 35 pakej kerja dengan anggaran jarak keseluruhan sepanjang 706 km. Sehingga kini, 12 pakej kerja telah dibuat pelantikan kontraktor bagi tujuan kerja-kerja pembinaan. Walau bagaimanapun, terdapat satu kontraktor pakej kerja, iaitu melibatkan laluan Tawau ke Semporna telah ditamatkan kontrak disebabkan prestasi kontraktor pakej kerja berkenaan yang tidak memuaskan. Sehingga akhir Februari 2019, status kemajuan keseluruhan projek pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Negeri Sabah ialah 12.4% dengan melibatkan kos peruntukan yang telah dibelanjakan ialah sebanyak RM 609 juta.

Bagi menjawab soalan dari Ahli Parlimen Ranau, pakej kerja Lebuhraya Pan Borneo Negeri Sabah yang terlibat di kawasan Ranau ialah dari Ranau ke Kampung Nabutan, iaitu pakej kerja 35 (WP35) dengan anggaran jarak 31 km. Sehingga kini, pakej kerja ini masih belum ditender memandangkan penelitian ke atas reka bentuk masih dalam tindakan oleh juru perunding.

Tuan Yang Di-Pertua,

Berhubung dengan isu hala tuju pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Negeri Sabah, untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan Pusat bersama dengan Kerajaan Negeri Sabah pada masa kini sedang meneliti semula mekanisme pelaksanaan projek ini secara keseluruhan. Sehubungan

itu, penentuan berhubung hala tuju projek ini akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada akhir bulan Mac ini untuk pertimbangan Kerajaan Pusat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]
TARIKH : 13.3.2019 (RABU)

SOALAN NO: 11

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai jenis biasiswa dan jumlah peruntukan yang ditawarkan oleh Kerajaan bagi pengajian peringkat ijazah pertama untuk tahun 2018 dan 2019. Senaraikan jumlah mahasiswa yang mendapat manfaat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menawarkan sejumlah sepuluh (10) jenis program penajaan di peringkat pengajian Ijazah Pertama bertujuan untuk memenuhi keperluan perkhidmatan di KPM.

Berikut adalah maklumat terperinci mengenai sepuluh (10) program biasiswa dan bilangan tawaran yang diberikan mengikut tahun, iaitu:

1. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di Universiti Awam:

Pada tahun 2018, sebanyak 293 tawaran telah diberikan.

2. Skim Latihan Tenaga Kepakaran Pendidikan Khas di Universiti Awam:

Pada tahun 2018, 21 orang pelajar telah menerima tajaan ini.

3. Penghantaran Pelajar Cemerlang Bahasa Mandarin:

Pada tahun 2018, 53 orang pelajar telah menerima pembiayaan ini.

4. Program Berkembar Bahasa Perancis:

Pada tahun 2018, tajaan telah diberikan kepada 15 orang pelajar.

5. Program Penghantaran Pelajar Cemerlang Pendidikan Islam Al-Quran Wal Qiraat:

Pada tahun 2018, seramai 20 orang pelajar telah menerima manfaat daripada penajaan ini.

6. Program Penghantaran Pelajar Cemerlang Pendidikan Islam Bahasa Arab:

Pada tahun 2018, melibatkan tajaan kepada 10 orang pelajar.

7. Program Penghantaran Pelajar Cemerlang Matrikulasi:

Pada tahun 2018, seramai sembilan (9) orang pelajar mendapat tajaan program ini.

8. Pelajar Cemerlang Politeknik:

Pada tahun 2018, tajaan ini melibatkan 100 orang pelajar.

9. Atlet Cemerlang IPTA:

Pada tahun 2018, 75 orang atlet pelajar telah menerima manfaat tajaan ini.

10. MyBrainSc:

Pada tahun 2018, bagi tujuan ini, tajaan diberikan kepada 149 orang pelajar.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah peruntukan bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM14.8 juta. Manakala peruntukan bagi tahun 2019 meningkat kepada RM17.13 juta bagi program tajaan biasiswa ijazah pertama. Bagi tahun 2019, program tajaan biasiswa masih dalam peringkat proses penawaran.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]
TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 12

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah hospital yang berdepan dengan masalah kepadatan pesakit yang terlalu tinggi dan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Hospital-hospital negeri dan berpakar KKM mempunyai kepadatan pesakit yang sangat tinggi berbanding hospital tanpa pakar, di mana kadar *Bed Occupancy Rate* (BOR) adalah 75.0% dan ke atas. Terdapat 33 (25.0%) buah hospital KKM mengalami masalah ini (data HMIS 2016). Bagi mengatasi masalah ini, KKM sedang melaksanakan inisiatif Hospital Kluster di mana tiga atau lebih hospital dengan sekurang-kurangnya satu hospital berpakar di dalam kawasan geografi yang sama digabungkan di bawah satu sistem.

Semua sumber termasuk sumber manusia, fasiliti, peralatan dan lain-lain di dalam hospital-hospital di dalam kluster akan dikongsi dan dioptimumkan penggunaannya bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan yang disampaikan. Dengan itu penggunaan katil bagi hospital-hospital yang kurang digunakan dapat dipertingkatkan di samping mengurangkan kesesakan di hospital berpakar.

NO SOALAN : 12

Sehingga kini, telah terbentuk 25 Hospital Kluster di 12 negeri melibatkan 88 buah Hospital KKM, ini merangkumi 60.7% daripada jumlah keseluruhan hospital KKM. Daripada 12 negeri, enam (6) negeri iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Terengganu, Pahang dan Kelantan telah selesai melaksanakan kluster di kesemua hospital di negeri masing-masing. Manakala Sabah telah membentuk empat (4) Hospital Kluster. Negeri Perak, Kedah dan Sarawak membentuk dua (2) Hospital Kluster dan Negeri Johor dan Selangor masing-masing telah membentuk satu Hospital Kluster. Inisiatif ini telah mula dilaksanakan sejak 2014 melalui pembentukan Kluster Rintis. Inisiatif akan terus dipeluaskan secara berperingkat sehingga semua Hospital KKM yang bersesuaian dapat diklusterkan.

Melalui inisiatif Hospital Kluster, pesakit dapat dipindahkan ke Hospital-hospital yang kurang padat di dalam Kluster masing-masing. Penempatan pakar yang bersesuaian juga dilaksanakan di Hospital Tanpa Pakar secara tetap dan bergilir. Seseengah perkhidmatan yang bersesuaian termasuk pembedahan dapat dipindahkan dari hospital berpakar yang sesak ke Hospital Tanpa Pakar. Fasiliti di Hospital Tanpa Pakar akan ditambah baik dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN :LISAN

DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU]

TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 13

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan tindakan dan strategi yang akan/atau sedang diambil oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur khususnya di Wangsa Maju.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah merangka berberapa strategi utama yang dijangka dapat mengurangkan kesesakan di Bandaraya Kuala Lumpur. Di antaranya adalah seperti berikut:

- a) Menggalakkan penggunaan Pengangkutan Awam seperti GoKL, Monorail, LRT, MRT dan Komuter KTM. Tindakan ini adalah untuk mempertingkatkan "*Ridership*" yang masih rendah dari 18% ke paras yang lebih tinggi iaitu 50% dalam jangka masa 5 tahun akan datang. Strategi termasuk memperbaiki perkhidmatan di bahagian "*First Mile*" dan "*Last Mile*" di stesyen-stesyen terlibat.
- b) Kemudahan Pengangkutan Awam akan dipertingkatkan menjadi lebih menarik dengan tindakan penyediaan Laluan Pejalan Kaki dan basikal

SOALAN NO : 13

khususnya menyediakan laluan yang selesa dan selamat dari aspek “*Continuity*”, “*Linkages*”, Laluan Berbumbung berserta kelebaran laluan mobiliti yang mencukupi dan selamat.

c) Tindakan yang digariskan dalam Pelan Induk Perancangan Kuala Lumpur akan secara langsung mampu mengurangkan kemasukan kenderaan persendirian ke Pusat Bandar Kuala Lumpur dengan membina beberapa lokasi “*Park and Ride*”, pengurangan kemudahan “*On-Street Parking*” serta polisi penyediaan tempat letak kereta swasta di Pusat Bandar Kuala Lumpur. Secara langsung kos penggunaan kenderaan persendirian akan menjadi lebih tinggi berbanding dengan kos menggunakan pengangkutan awam.

Untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju, bagi kawasan Parlimen Wangsa Maju khususnya di samping membina infrastruktur yang disebutkan di atas serta mengunapakai polisi yang digariskan, DBKL juga telah menyiapkan 3 projek yang berkaitan mengurangkan kadar kesesakan di kawasan tersebut iaitu :

- (i) Pembinaan Jalan Sambungan Jalan 1/27A yang menyambungkan Wangsa Maju ke Taman Setiawangsa (Siap pada November 2018);
- (ii) Pembinaan Jalan Kilang yang menyambungkan Jalan Genting Klang ke Kawasan Perumahan Sri Rampai (Siap pada Februari 2019); dan
- (iii) Pembinaan Jalan Ayer Panas yang menyambungkan Jalan Genting Klang ke Jalan Tun Razak melalui Jalan Ayer Keroh dan Jalan Semarak (Siap pada Mac 2019);

Manakala, bagi Projek pembinaan Lebuh raya Setiawangsa Pantai (SPE) dari Taman Melati hingga ke Lebuh raya Persekutuan menghala ke Petaling Jaya. Ianya akan melalui Wangsa Maju di Jln 1/27A, Jalan Jelatek, Jalan Kg Pandan, Lebuh raya KL-Seremban ke Selatan KL (Projek ini dijangka siap pada November 2020)

NO. SOALAN : 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN
MAT NAWI [TUMPAT]**

**TARIKH : 13 MAC 2019
MENJAWAB**

SOALAN : 14

YB Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kajian terperinci telah dilaksanakan sebelum keputusan pemansuhan hukuman mati dicapai dan apakah Kerajaan bersedia mendedahkan kajian tersebut jika ada.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mohon pertanyaan ini untuk dijawab bersekali dengan pertanyaan-pertanyaan lain yang menyentuh isu hukuman mati yang berikut:

- (a) pertanyaan jawab lisan oleh YB Marang untuk dijawab pada 26 Mac 2019;
- (b) pertanyaan jawab lisan oleh YB Ayer Hitam untuk dijawab pada 1 April 2019;
- (c) pertanyaan jawab lisan oleh YB Sik untuk dijawab pada 4 April 2019;
- (d) pertanyaan jawab lisan oleh YB Bukit Gelugor untuk dijawab pada 10 April 2019; dan
- (e) pertanyaan jawab lisan oleh YB Bachok untuk dijawab pada 10 April 2019.

2. Pendirian Kerajaan pada peringkat ini hanya bagi hukuman mati mandatori yang dicadang dimansuhkan dan digantikan dengan hukuman mati yang tertakluk kepada budi bicara mahkamah selaras dengan janji dalam Buku Harapan “Membina Negara Memenuhi Harapan” iaitu Janji

27 untuk menghapuskan undang-undang yang zalim termasuklah “memansuhkan hukuman gantung mandatori dalam semua akta”.

3. Dalam konteks ini, hukuman mati mandatori diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan dan Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971. Sehubungan dengan itu, Kerajaan bercadang untuk menggantikan hukuman mati mandatori yang diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan dan Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 dengan hukuman mati atas budi bicara mahkamah iaitu untuk sembilan (9) kesalahan dalam Kanun Keseksaan dan dua (2) kesalahan dalam Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971.

SEMAK SEMASA JAWAPAN
EMBARGO
SEHINGGA DIJAWAB OLEH YB. MENTERI

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MORDI BIMOL

TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 15

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing dan bagaimanakah Kerajaan memastikan bahawa pengambilan pekerja asing tidak menjejaskan peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan.

PN-1412- L04026

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada guna tenaga asing, Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah seperti yang berikut:

- (i) menetapkan had penggajian pekerja asing di Malaysia tidak melebihi 15% daripada jumlah guna tenaga Negara pada tahun 2020 sepertimana yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11;
- (ii) sehingga kini, penggajian pekerja asing diluluskan kepada tujuh (7) sektor sahaja iaitu pembinaan, pertanian, perladangan, perkilangan, perkhidmatan dan perlombongan & kuari serta pekhidmat domestik;
- (iii) menggalakkan sektor-sektor berintensifkan buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi. Langkah ini dapat membantu negara mencapai sasaran melahirkan 35% pekerja mahir di Malaysia menjelang tahun 2020;
- (iv) penggajian pekerja asing dari mana-mana Negara sumber hendaklah berdasarkan kepada keperluan sebenar industri dan sektor-sektor yang dibenarkan sahaja (*real industrial demand*);

SOALAN NO: 15

- (v) syarat-syarat permohonan pekerja asing diperketatkan dari segi penetapan nisbah pengambilan berdasarkan komposisi pekerja tempatan dan pekerja asing;
2. Pada masa yang sama, pelbagai usaha dijalankan untuk menempatkan lebih ramai pekerja tempatan dalam pekerjaan:
- (i) majikan dikehendaki untuk mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam Portal *JobsMalaysia* bagi memastikan kekosongan jawatan ditawarkan kepada pencari kerja tempatan terlebih dahulu;
 - (ii) kolaborasi antara JTK dengan majikan melalui Program Penempatan Pekerjaan (3P) untuk penawaran peluang pekerjaan kepada pencari kerja tempatan;

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT]

TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN :

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan secara terperinci mengapa harga komoditi seperti lada hitam, getah dan sawit telah turun mendadak dan sehingga hari ini kekal ditahap yang amat rendah. Sehubungan dengan itu, jelaskan apa tindakan yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian ini sebagai strategi menangani masalah yang membebankan kesemua "*stakeholders*" yang terlibat dalam industri utama ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara punca kejatuhan harga **minyak sawit** adalah seperti berikut:

- (i) lebih bekalan minyak sawit di pasaran tempatan;
- (ii) kejatuhan harga minyak kacang soya (SBO) di pasaran antarabangsa yang merupakan barang pengganti kepada minyak sawit; dan
- (iii) pergerakan nilai mata wang Ringgit Malaysia berbanding Dolar Amerika.

Faktor kejatuhan **harga getah** adalah disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

SOALAN NO. 16

- (i) ketegangan perdagangan antara China dan Amerika Syarikat yang memberi kesan kepada ketidaktentuan pasaran komoditi getah asli, mata wang dan pasaran saham dunia;
- (ii) kelemahan harga getah di pasaran hadapan getah di Tokyo, Shanghai dan Singapura disebabkan stok getah yang tinggi, aktiviti spekulasi yang berlebihan dan kebimbangan mengenai ketegangan perdagangan di antara Amerika Syarikat dan China; dan
- (iii) pertumbuhan ekonomi China yang perlahan berikutan usaha kerajaan China mengetatkan dasar kewangan dan memfokuskan kepada penggunaan domestik serta impak ketegangan perdagangan.

Bagi komoditi **lada** pula, punca kejatuhan harga adalah disebabkan oleh sentimen pasaran lada dunia yang berpunca daripada peningkatan pengeluaran terutamanya di Vietnam dan juga faktor keadaan pasaran yang kurang aktif.

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara usaha agresif dan proaktif terbaharu Kementerian untuk menstabilkan harga komoditi sawit dan getah adalah dengan meningkatkan permintaan negara-negara pengimport melalui langkah-langkah berikut:

- (i) meningkatkan adunan biobahan api sawit dengan diesel petroleum melalui Program Biodiesel B10 yang telah dilaksanakan secara mandatori pada 1 Februari 2019 bagi sektor pengangkutan dan pelaksanaan program B7 bagi sektor industri yang akan bermula pada 1 Julai 2019. Program B10 ini telah memberikan impak positif kepada peningkatan harga minyak sawit dimana seawal Januari 2019 dan Februari 2019 harga purata bulanan minyak sawit meningkat masing-masing kepada RM2,037.00 dan RM2,122.65/tan berbanding Disember 2018 iaitu RM1,794.50/tan;
- (ii) Malaysia telah menandatangani dokumen hasrat pembelian dengan syarikat China bagi mengeksport sebanyak 1.62 juta tan minyak sawit bernilai RM3.64 bilion ke negara republik itu melibatkan empat syarikat

Malaysia dan tiga syarikat China. Persetujuan ini adalah susulan lawatan kerja Kementerian ke China untuk meningkatkan pembelian minyak sawit Malaysia pada bulan Ogos tahun lalu;

- (iii) mengukuhkan pasaran di India yang merupakan negara pengimport terbesar sawit dan negara-negara berpotensi seperti Iran, Mesir dan negara-negara Afrika melalui Misi Ekonomi dan Pelaburan yang diketuai oleh YB Timbalan Menteri. Misi ini telah berjaya meyakinkan negara-negara tersebut untuk meningkatkan pembelian minyak sawit negara. Selain itu, langkah Kerajaan India mengurangkan duti import minyak sawit (CPO) daripada 44% kepada 40% serta pengurangan duti import minyak sawit proses daripada 54% kepada 45% juga telah memberi kesan positif kepada industri sawit negara; dan
- (iv) Kementerian juga telah menghadiri Mesyuarat Khas Peringkat Menteri *International Tripartite Rubber Council (ITRC) 2019* di Bangkok, Thailand pada 22 Februari 2019. Hasil mesyuarat ini, ketiga-tiga negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand bersetuju bahawa *Agreed Export Tonnage Scheme (AETS)* merupakan instrumen yang berkesan untuk mengimbangi stok di pasaran dunia serta dijangka dapat meningkatkan harga getah asli bagi jangka masa pendek. Dalam hal ini, mesyuarat bersetuju pada dasarnya untuk melaksanakan AETS ke-6 bagi menetapkan pengurangan kuota eksport sebanyak 200,000 hingga 300,000 tan. Mesyuarat ITRC pada peringkat pegawai telah menyusuli perkara ini pada 4 dan 5 Mac 2019 di Bangkok, Thailand dan telah menetapkan pengurangan kuota eksport sebanyak 240,000 tan mulai 1 April 2019. Sejak pengumuman AETS ke-6 oleh ITRC, paras harga *Standard Malaysia Rubber 20 (SMR20) Free On Board (FOB)* telah meningkat sebanyak 14.8% dari RM 5.21/kilogram pada 31 Disember 2018 kepada RM5.98/kilogram pada 6 Mac 2019.

Sekian terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

TARIKH : 13 MAC 2019

SOALAN : 17

TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada langkah-langkah akan diambil untuk membuat pindaan atas Peraturan-Peraturan Daftar Pemilih bagi memudahkan rakyat mendaftar sebagai pemilih melalui internet.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam menjalankan fungsi pendaftaran pemilih sentiasa mensasarkan matlamat untuk menghasilkan daftar pemilih yang berwibawa dan diyakini oleh semua pihak. Justeru, SPR **sentiasa terbuka untuk menerima cadangan-cadangan penambahbaikan daripada pelbagai pihak** termasuklah cadangan melaksanakan pendaftaran pemilih secara atas talian (*online*).

SPR **sedang memuktamadkan cadangan pendaftaran pemilih secara atas talian (*online*)** yang melibatkan penyediaan proses dan prosedur kerja urusan pendaftaran pemilih baru serta keperluan sistem dan peralatan untuk melaksanakan cadangan tersebut. Bagi maksud melaksanakan pendaftaran pemilih secara atas talian (*online*), SPR sentiasa berusaha untuk **memastikan setiap cadangan penambahbaikan dapat dilaksanakan dengan jayanya** serta menepati kehendak undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL
RAHIM [BALING]
TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 18

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah tahap keberkesanan dalam penguatkuasaan kawasan larangan merokok dan adakah wujud perancangan untuk memperluas zon larangan merokok dalam masa terdekat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Tembakau dan produk tembakau merupakan komoditi sah yang didagangkan namun ia terbukti secara saintifik **membunuh separuh daripada penggunaanya**. Oleh itu penggunaan tembakau dan produk tembakau adalah dikawal di bawah konvensyen antarabangsa iaitu *Framework Convention on Tobacco Control (WHO FCTC)* di mana Malaysia merupakan ahli parti kepada konvensyen ini semenjak 2005.

Pada 23hb September 2004, Pewartaan Kawasan Larangan Merokok di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT 2004) telah mula berkuatkuasa. Manakala, kawasan larangan merokok diperluas ke semua tempat makan dikuatkuasa mulai 1hb Januari 2019 di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2018. Peraturan ini bertujuan untuk melindungi golongan orang ramai terutama golongan bukan perokok daripada terdedah kepada bahaya asap rokok dan membudayakan amalan tidak merokok kawasan tumpuan orang awam.

Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil pendekatan “*soft approach*” (dengan izin), dengan memulakan aktiviti penguatkuasaan pendidikan sehingga bulan Jun 2019 bagi memberi peluang segenap lapisan masyarakat mengubah tabiat merokok sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang. Sebagai permulaan kepada pindaan pewartaan ini, semua negeri telah melaksanakan penguatkuasaan pendidikan yang merangkumi aktiviti pemakluman berkenaan tempat-tempat larangan merokok melalui edaran risalah, makluman secara individu serta makluman di media massa dan media sosial. Selain daripada edaran risalah dan makluman individu, mereka yang masih merokok di tempat larangan akan diberikan amaran secara bertulis.

Aktiviti Penguatkuasaan Pendidikan juga merangkumi aktiviti memperingatkan Tuan Punya Premis akan bertanggungjawab mereka untuk meletakkan tanda larangan merokok dan memastikan tiada orang merokok sebagaimana Peraturan 12, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004. Sehingga kini sebanyak 22,047 amaran bertulis telah dikeluarkan di mana 20,351 adalah amaran kepada Tuan Punya Premis yang gagal meletakkan tanda amaran merokok dan 1696 amaran kepada individu yang masih merokok di tempat makan. Mulai Julai 2019, penguatkuasaan sepenuhnya akan dilaksanakan oleh 5008 pegawai kesihatan persekitaran di seluruh negara.

Yang di-Pertua,

Sokongan serta maklumbalas positif akan pelaksanaan ini dapat dilihat di mana seramai 151,000 rakyat Malaysia telah menandatangani petisyen untuk terus komited menyokong pelaksanaan ini manakala lebih 30 badan-badan professional kesihatan dan badan-badan bukan Kerajaan akan terus membantu menyokong pihak Kementerian Kesihatan Malaysia melaksanakan larangan ini.

KKM juga komited untuk terus meluaskan pewartaan tempat dilarang merokok terutama di tempat-tempat awam demi melindungi kesihatan masyarakat Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.
NASIR [JOHOR BAHRU]

TARIKH : 13.3.2019 (RABU)

Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah status terkini Program *Food Bank* Malaysia sejak dilancarkan pada tahun lalu dan apakah perancangan dan langkah masa depan bagi Program Food Bank Malaysia dalam masa terdekat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwai Pengguna (KPDNHEP) tidak pernah meletakkan nokhtah dalam mencari solusi terbaik kepada isu kos sara hidup yang dihadapi rakyat. Antara inisiatif yang giat dilaksanakan oleh Kementerian adalah inisiatif Program Food Bank Malaysia bagi mengatasi isu pembaziran makanan.

Pada tahun 2018, program ini telah berjaya memberikan manfaat kepada **27,556 ahli isi rumah** dan menyelamatkan sebanyak **992 metrik tan** lebih makanan. Atas penerimaan dan respon yang baik daripada masyarakat, KPDNHEP telah menubuhkan sebuah yayasan yang dikenali sebagai Yayasan Food Bank Malaysia yang didaftarkan secara rasmi pada 7 Januari 2019.

Yayasan ini akan menjadi pemangkin dalam menjayakan hasrat murni Kerajaan untuk menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan bagi menangani isu peningkatan kos sara hidup rakyat dan secara tidak langsung dapat mengurangkan pembaziran makanan.

Selain daripada meluaskan lagi pelaksanaan Program Food Bank Malaysia ke seluruh negara, Kementerian juga telah menggariskan beberapa perancangan hala tuju Program Food Bank Malaysia agar ianya dapat dijalankan secara holistik dan berterusan untuk memberikan manfaat yang secukupnya kepada golongan yang layak dan memerlukan.

Antara perancangan yang sedang dirangka adalah seperti berikut:

- i. Penggubalan Rang Undang-Undang berkenaan *Food Bank*; **dan**
- ii. Pelaksanaan Program *Food Bank* Malaysia di Institusi Pendidikan Tinggi Awam/Swasta.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian ini akan terus menyelusuri kaedah yang terbaik bagi membantu rakyat mendepani kos sara hidup yang semakin meningkat akibat daripada perubahan situasi ekonomi dunia kini.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK AARON AGO DAGANG
[KANOWIT]
TARIKH : 13.3.2019 (RABU)
SOALAN : 20

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah projek infrastruktur dan utiliti dan jumlah peruntukan untuk Sarawak bagi tahun 2019. Apakah projek-projek (dengan kos) yang sedang dilaksanakan di Parlimen Kanowit tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM794.89 juta bagi tahun 2019 untuk pelaksanaan sebanyak 105 program/ projek infrastruktur dan utiliti di Negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM43.10 juta diperuntukkan kepada Parlimen Kanowit dengan pecahan projek/ program seperti berikut:

Bil.	Nama Projek / Program	Kategori Projek	Peruntukan Tahun 2019 (RM juta)	Kos Keseluruhan Projek RMke-11(RM juta)
1	Jalan Song - Kapit, Section B: Jalan Ng Ngemah/ Ng. Temalat	Sambungan	30.00	150.0
2	Jalan Menalun Sg. Poi, Kanowit (Fasa li)	Sambungan	2.0	15.8
3	Jalan Ng. Kabah/Sk Beguang/Sg. Song, Song, Kapit, Sarawak (Fasa 1)	Sambungan	10.0	116.5
4	Membina Jalan Nanga Dap / Poi / Ngungun, Daerah Kanowit, Bahagian Sibu, Sarawak	Baru	1.0	42.0
5	Membina Jalan Ng. Machan / Srk Ng. Manggut, Fasa 2, Machan, Kanowit, Bahagian Sibu, Sarawak	Baru	0.1	39.0
JUMLAH KESELURUHAN			43.10	363.3

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI**
NASARAH [LENGGONG]
TARIKH : **13 MAC 2019 (RABU)**

SOALAN NO. 21

Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah aspek-aspek yang diambil kira oleh pihak Kementerian di dalam merangka Akta Kesamarataan Jantina dan adakah akta ini akan turut mengiktiraf kewujudan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan telah menyatakan bahawa semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang serta tiada diskriminasi atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina. Selaras dengan peruntukan tersebut, Kementerian sedang berusaha untuk mewujudkan suatu akta untuk menghapuskan sebarang unsur diskriminasi terutamanya terhadap wanita bagi tujuan menjamin kesaksamaan gender.

Sehubungan dengan itu, untuk memastikan setiap pandangan pihak berkepentingan diambil kira, Kementerian telah dan akan meneruskan sesi libat urus secara aktif. Sehingga kini, Kementerian telahpun mengadakan sesi perbincangan dengan pihak berkepentingan yang terdiri daripada agensi kerajaan seperti Jabatan Peguam Negara dan JAKIM, ahli akademik dan juga badan bukan kerajaan. Hasil daripada sesi-sesi perbincangan yang telah diadakan ini, pihak berkepentingan bersetuju bahawa wujudnya keperluan untuk mewujudkan kerangka perundangan berkaitan kesaksamaan gender di Malaysia.

Bagi tujuan mewujudkan Akta Kesaksamaan Gender, Kementerian turut telah menubuhkan satu *Special Project Team* Rang Undang-Undang Kesaksamaan Gender (SPT RUU GE) yang terdiri daripada pelbagai pihak sebagai usaha memastikan rang undang-undang tersebut diwujudkan mengambil kira aspek agama, sosial dan kaum memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum dan agama.

Di samping itu juga, pewujudan akta ini seiring dengan komitmen Kerajaan Malaysia yang telahpun meratifikasi Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) sejak tahun 1995. Untuk memastikan CEDAW mempunyai implikasi perundangan (legal effects), satu undang-undang perlu diwujudkan. Namun demikian, Kementerian dalam menjalankan usaha mewujudkan akta ini, tidak akan

SOALAN NO. 21

membelakangkan dasar, polisi dan perundangan sedia ada di Malaysia termasuklah Perkara 3(1), Perlembagaan Persekutuan iaitu Islam ialah agama bagi Persekutuan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]
TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 22

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pusat dialisis yang sangat-sangat diperlukan di Pantai Remis, Perak boleh dibina.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Data Preliminary Report Malaysian Dialysis and Transplant Registry 2016 menunjukkan bahawa pada tahun 2016 terdapat 16 pusat hemodialisis awam, 43 pusat hemodialisis swasta dan 13 pusat hemodialisis NGO di Negeri Perak. Pada tahun 2016 terdapat sejumlah 3,659 orang pesakit yang menjalani rawatan dialisis di Negeri Perak di mana 3,448 orang pesakit menjalani rawatan hemodialisis dan 211 orang pesakit menjalani rawatan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD). Daripada jumlah ini, 27% menerima rawatan di pusat awam, 55% di pusat swasta dan 18% di pusat NGO. *Registry* tersebut hanya mengumpul data keseluruhan Negeri Perak dan tiada data mengikut pecahan lokasi.

Unit Hemodialisis di Klinik Kesihatan Pantai Remis, Perak sedang dalam pembinaan. Pada masa kini, pesakit yang memerlukan perkhidmatan dialisis di kawasan tersebut mendapat perkhidmatan dialisis di pusat hemodialisis awam, swasta dan NGO yang berdekatan. Pusat hemodialisis awam yang berdekatan dengan Klinik Kesihatan Pantai Remis, Perak adalah Hospital Seri Manjung (35 km), Hospital Cangkat Melintang (48 km), Hospital Taiping (54 km).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK RONALD KIANDEE
[BELURAN]
TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 23

Y.B. DATUK RONALD KIANDEE [BELURAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) apakah dasar industri insurans negara berhubung dengan pemegangan saham tempatan masih berkuatkuasa; dan
- (b) mengapakah Syarikat Great Eastern Life Insurance diberikan pengecualian daripada dasar ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, keperluan penjualan pegangan saham oleh pemegang saham asing dalam industri insurans dan takaful kepada tahap tidak melebihi 70% masih terpakai. Keperluan ini bertujuan untuk menggalakkan perkongsian kekayaan dalam kalangan warganegara Malaysia dan meningkatkan penembusan insurans dan takaful di Malaysia melalui pembangunan produk yang inklusif.
2. Pemegang saham asing boleh memilih untuk menjual saham mereka kepada pelabur tempatan secara langsung atau melalui *Initial Public Offering*, atau menyumbang kepada Dana Perlindungan Nasional B40. Semua pilihan ini adalah selaras dengan matlamat keperluan penjualan pegangan saham tersebut. Ini adalah untuk memberikan penekanan kepada orang awam daripada golongan B40 yang menghadapi penyakit kritikal agar dapat menerima bantuan kewangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN CHAN MING KAI
[ALOR SETAR]
TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 24

Y.B. TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Maybank yang dipegang oleh Kerajaan melalui Amanah Raya Berhad telah melulus dan menolak berapa pinjaman perumahan untuk pembeli rumah kos rendah dan mampu milik mengikut pecahan negeri serta sebab-sebab penolakan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Saya ingin menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat pada 14 Mac 2019 memandangkan ia melibatkan isu yang sama.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tahun 2018, sebanyak 484,621 permohonan pinjaman perumahan telah diterima oleh institusi perbankan. Kira-kira 24% daripada permohonan tersebut adalah untuk pembelian rumah berharga RM250,000 ke bawah manakala permohonan untuk pembelian rumah berharga RM100,000 ke bawah merangkumi kira-kira 8% daripada jumlah permohonan diterima.
3. Secara keseluruhannya, para pembeli rumah yang layak terus mendapat akses kepada pinjaman perumahan. Kadar kelulusan bagi pinjaman perumahan baharu bagi rumah berharga RM250,000 ke bawah dan RM100,000 ke bawah masing-masing kekal tinggi pada 72% dan 82% (kadar kelulusan pinjaman perumahan keseluruhan adalah 71%). Setakat Disember 2018, bilangan pinjaman baharu bagi rumah berharga RM250,000 ke bawah dan RM100,000 ke bawah yang diluluskan adalah masing-masing sebanyak 83,177 pinjaman dan 32,332 pinjaman.

Yang di-Pertua,

1. Kerajaan berpendapat bahawa sistem perbankan harus memudahkan proses permohonan oleh pembeli rumah kali pertama dan perniagaan kecil dan sederhana. Secara amnya, bank hanya menolak permohonan pinjaman perumahan jika peminjam mempunyai tahap pinjaman sedia ada yang tinggi, latar belakang dan pengurusan kredit yang lemah, dan tidak mempunyai dokumen pendapatan yang mencukupi untuk menyokong keupayaan membayar balik pinjaman.
2. Dalam usaha untuk meningkatkan kadar pemilikan rumah di Malaysia, adalah penting untuk memastikan tahap keberhutangan para peminjam berada pada paras yang terkawal dan rakyat tidak dibebani dengan hutang yang berlebihan. Untuk itu, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan Garis Panduan Pemberian Pinjaman yang

NO SOALAN : 24

Bertanggungjawab untuk memelihara kepentingan para peminjam agar mereka meminjam mengikut kemampuan membayar balik pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan. Di samping itu, institusi kewangan juga bertanggungjawab untuk memastikan kemampuan membayar balik peminjam dinilai secara menyeluruh.

3. Kriteria kelayakan untuk membeli rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik perlu berpandukan penilaian kemampuan membayar balik hutang bakal peminjam. Segala obligasi bayaran balik hutang yang sedia ada, sama ada yang diperolehi daripada institusi perbankan dan institusi kewangan bukan bank, perlu diambil kira dalam penilaian kemampuan tersebut.
4. Setiap individu perlu memahami bahawa membeli dan memiliki rumah merupakan komitmen jangka panjang dan obligasi kewangan yang besar. Oleh itu, perancangan kewangan yang teliti dan penampakan kewangan yang kukuh terhadap kejadian yang tidak diduga amat diperlukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]
TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 25

Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah rizab negara pada 31 Disember 2018 berbanding jumlah pada bulan Mei 2018 dan apakah trend pertambahan atau penyusutan jumlah tersebut menjelang hujung 2019; dan
- (b) apakah jenis hutang negara yang akan dilunaskan melalui Tabung Harapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Rizab antarabangsa negara berjumlah USD101.4 bilion (RM419.5 bilion) pada 31 Disember 2018 dan USD108.5 bilion (RM419 bilion) pada akhir Mei 2018. Paras rizab pada 31 Disember 2018 ini mencukupi untuk membiayai 7.4 bulan import tertanggung dan 1.0 kali jumlah hutang luar negeri jangka pendek. Keadaan penurunan rizab antarabangsa turut dialami di seluruh dunia termasuk Indonesia, Filipina dan Thailand yang mengalami aliran keluar menyebabkan penurunan rizab antarabangsa antara USD0.1 bilion dan USD6.9 bilion dari Jun hingga Disember 2018.

2. Trend pertambahan atau penyusutan jumlah rizab antarabangsa negara bergantung kepada pelbagai faktor antaranya:

i. Aliran keluar pelaburan portfolio oleh pelabur asing yang didorong oleh kenaikan kadar faedah contohnya kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat;

ii. Pilihan pelabur asing untuk menempatkan aset mereka di '*safe haven*' (negara maju) ekoran perubahan dasar perdagangan Amerika Syarikat terhadap beberapa negara; dan

iii. Pelarasan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan nilai dolar Amerika Syarikat berbanding pelbagai aset rizab mata wang asing yang dipegang oleh Bank Negara Malaysia

3. Keadaan turun naik paras rizab antarabangsa negara bersifat sementara. Pemulihan kestabilan pasaran dunia, penambahbaikan sentimen pelabur dan lebih akaun semasa negara yang kekal positif akan menyokong paras rizab antarabangsa. Rizab antarabangsa negara dijangka kekal mencukupi, disokong oleh aliran perdagangan dan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Bagi jenis hutang negara yang akan dilunaskan melalui Tabung Harapan pula, sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Arahan Amanah Tabung

NO SOALAN : 25

Harapan Malaysia (THM), semua hasil sumbangan yang diterima akan digunakan untuk pembayaran hutang Kerajaan Persekutuan. Pembayaran yang dibenarkan adalah bagi tujuan akaun amanah ini sahaja dan sehingga kini masih belum ada sebarang pengeluaran dana.

5. Pada masa sekarang, akaun amanah tersebut di peringkat awal pengauditan oleh Jabatan Audit Negara. Penggunaan dana THM akan dimaklumkan setelah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Akaun Amanah THM yang bertanggungjawab dalam pengurusan tabung tersebut. Perkara ini adalah selaras dengan peraturan dan perundangan semasa yang berkuat kuasa agar THM ditadbir secara teratur, telus dan berintegriti

SEMAK SEMASA JAWAPAN
EMBARGO
SEHINGGA DIJAWAB OLEH YB. MENTERI

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SETIAWANGSA)

TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 26

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan produktiviti pekerja di Malaysia.

PN-1412- L03499

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Bagi meningkatkan produktiviti pekerja, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia telah menggalakkan majikan melaksanakan Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti (PLWS). PLWS mewujudkan hubungan saling melengkapi di antara upah dan produktiviti pekerja. Kadar upah akan meningkat seiring dengan produktiviti merupakan pemangkin kepada pekerja untuk sentiasa berusaha ke arah produktiviti yang lebih tinggi.

2. Selain itu, Kementerian ini juga telah mengenal pasti beberapa inisiatif untuk meningkatkan produktiviti yang boleh dilaksanakan oleh majikan. Di antara inisiatif tersebut ialah;

- (a) Mengenal pasti pekerja yang bersesuaian dengan kepakaran masing-masing untuk menjalankan tugas;
- (b) Perancangan waktu kerja yang efektif bagi mengurangkan pembaziran tenaga kerja;
- (c) Pengenalan kepada system komunikasi terbaik bagi membolehkan sesuatu perkara diselesaikan dengan segera;
- (d) Menetapkan sasaran kerja yang jelas untuk dicapai; dan
- (e) Memberikan pengiktirafan kepada pekerja diatas usaha yang telah dilaksanakan oleh mereka.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU]

TARIKH : 13 MAC 2019 | RABU

SOALAN

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab mengapa sebahagian pengiring haji tidak layak menerima subsidi daripada Tabung Haji.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman, semua jemaah haji muassasah yang menunaikan haji kali pertama layak untuk menerima bantuan subsidi daripada Tabung Haji, termasuk pengiring dan mereka yang merayu bagi tahun ini.

Keputusan ini telah dimuktamadkan dan diumumkan pada 28 Februari 2019 selepas mengambilkira pelbagai aspek termasuk keupayaan dan kedudukan unjuran kewangan Tabung Haji bagi tahun 2019.

Sehubungan itu, Bayaran Haji bagi jemaah haji Muassasah yang layak menerima subsidi seperti di atas untuk Musim Haji 1440 Hijrah adalah RM9,980.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

DARIPADA : Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]

SOALAN : 28

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersetuju untuk menubuhkan RCI bagi menyiasat dakwaan yang telah didedahkan oleh Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Hamid Sultan Abu Backer mengenai salah laku hakim-hakim sepertimana yang didedahkan affidavit yang bertarikh 14 Februari 2019.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada 20 Februari 2019 telah bersetuju dengan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi membuat siasatan berhubung dengan dakwaan salah laku hakim-hakim kanan melalui afidavit oleh YA Datuk Dr. Haji Hamid Sultan bin Abu Backer, Hakim Mahkamah Rayuan. Tindakan mengenai penubuhannya adalah selaras dengan peruntukan Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119]. Di bawah Seksyen 2 Akta tersebut, secara jelas menyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh, jika didapatinya suai manfaat mengeluarkan suatu Tauliah melantik seorang Pesuruhjaya atau lebih bagi melaksanakan siasatan tersebut.

NO. SOALAN: 28

2. Selepas siasatan selesai dijalankan, Suruhanjaya Siasatan Diraja ini akan kemukakan satu laporan kepada Kerajaan yang turut mengandungi apa-apa tindakan yang perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

**DARIPADA : Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary
[Pengkalan Chepa]**

SOALAN : 29

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah skop bidang kuasa Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Reformasi Pilihan Raya dan bilakah laporan lengkap jawatankuasa tersebut dijangka siap.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya atau singkatannya ERC telah ditubuhkan dengan matlamat utama mengkaji sistem dan undang-undang pilihan raya sedia ada dan mengemukakan cadangan-cadangan untuk memperkemaskan pelaksanaannya. Objektif utama kajian ERC adalah bagi memastikan pilihan raya yang dilaksanakan di negara ini adalah pilihan raya yang berwibawa atau *credible*, dengan izin serta mendapat kepercayaan awam. Justeru, ERC diberikan tempoh selama dua (2) tahun bagi mengemukakan suatu laporan yang

mengandungi cadangan-cadangan reformasi sistem dan undang-undang pilihan raya.

2. Di samping itu, dalam melaksanakan fungsinya yang berasaskan kepada Terma Rujukan, ERC akan turut bekerjasama dengan pelbagai pihak terutama Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR). Dalam tempoh dua tahun ini, Jawatankuasa tersebut akan mengkaji dan meneliti cadangan-cadangan pembaikan tentang sistem dan proses pilihan raya termasuk cadangan pindaan undang-undang pilihan raya dan undang-undang yang berkaitan. Buat masa ini, ERC giat menjalankan kajian dan perbincangan dengan pihak-pihak tempatan dan luar negara. Kerangka awal cadangan pembaikan sistem dan undang-undang pilihan raya dijangka dapat disiapkan dalam masa satu tahun.

3. Selepas tamat tempoh dua (2) tahun, satu laporan hasil kajian dan cadangan penambahbaikan akan diserahkan kepada Kerajaan dan pelaksanaan cadangan-cadangan tersebut akan ditentukan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 13.03.2019 (RABU)

SOALAN : 30

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana SPRM telah mengesan dan menjalankan pendakwaan amalan rasuah ke atas pegawai dan kakitangan Kerajaan dan agensi Kerajaan selepas PRU 14 dan berapa pula yang terlepas daripada tindakan kerana ketidakcukupan bukti untuk pendakwaan.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Yang Berhormat,

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, Selepas Pilihan Raya ke-14, SPRM telah berjaya mendakwa banyak kes yang menjadi perhatian orang ramai (kes "*high profile*") di mahkamah. Antara kes-kes tersebut adalah melibatkan Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Razak yang dihadapkan dengan 20 pertuduhan dalam kes SRC International dan 1MDB, Datuk Seri Zahid Hamidi yang dihadapkan dengan 47 pertuduhan kesalahan rasuah, pecah amanah dan penggubahan wang haram. Bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Mohd Irwan Siregar bin Abdullah dihadapkan dengan 6 pertuduhan dalam kes-kes 1 MDB, Datuk Hasanah binti Abd Hamid, yang dituduh kerana pecah amanah wang kerajaan berjumlah 12 juta USD, Bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Musa Aman dituduh dengan 51 kesalahan rasuah dan pertuduhan penggubahan wang haram. Manakala bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansur pula dituduh dengan 2 kesalahan kerana perbuatan rasuah. Selain dari itu terdapat juga beberapa kes lain yang masih dalam peringkat siasatan di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Keberkesanan tindakan SPRM ini adalah kerana disokong oleh kesungguhan kerajaan sekarang dalam membanteras rasuah disamping kebebasan yang diberikan kepada SPRM untuk melaksanakan tindakanya berdasarkan undang-undang.

Untuk makluman Ahli Dewan, banyak lagi siasatan yang sedang dijalankan dan akan dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara untuk keputusan.

Setakat ini tiada lagi kes-kes '*high profile*'(dengan izin) yang melibatkan pegawai-pegawai kerajaan yang terlepas dari tindakan SPRM kerana tindakan siasatan masih dijalankan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU (SARIKEI)

TARIKH : 13 MAC 2019

SOALAN : 31

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilakah kem polis di Lanang, Sibu akan dipindahkan ke Sungai Paoh, Sarikei. Berapa besarkah saiz kem yang akan dibina di Sarikei nanti dan bilakah projek tersebut akan bermula dan siap dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan projek pembangunan semula keseluruhan Kompleks Batalion 10 Pasukan Gerakan Am (PGA) Sibu telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (EPU, MEA) dengan anggaran kos projek sebanyak RM200 juta.

Projek pembinaan Kem Batalion 10 PGA ini akan dilaksanakan di atas tapak seluas 312 ekar dan kini berada dalam proses penyediaan rekabentuk yang mengambil kira keperluan di tapak baharu. Projek ini dijangka akan ditender secara terbuka selewat-lewatnya pada Februari 2020 dan siap dua (2) tahun kemudian tertakluk kepada semua perancangan berjalan sewajarnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 13.3.2019 (RABU)

SOALAN : 32

Tuan Sanisvara Netjaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan penyiasatan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia mengenai kes dana RM90 juta yang dimasukkan ke dalam Akaun pemimpin-pemimpin parti PAS.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang Berhormat,

Untuk makluman Yang Berhormat Jelutong, siasatan melibatkan isu RM90 juta terhadap PAS masih lagi di jalankan dan SPRM sedang memanggil individu-individu yang tertentu bagi membantu siasatan walaupun tiada keterangan yang menunjukkan duit 1MDB sebanyak RM90 juta dimasukkan ke dalam akaun PAS, ini tidak bermakna siasatan telah pun selesai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 33

Minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah-langkah untuk meningkat dan menstabilkan liputan telekomunikasi dan internet di kawasan Parlimen Tanjong Manis, terutamanya di kawasan Paloh, Kedang, Berangan dan kawasan utara Pulau Bruit kerana sering menghadapi masalah terputus hubungan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang telah diambil bagi meningkatkan dan menstabilkan liputan telekomunikasi dan internet adalah dengan meneruskan pembinaan menara baharu, menaiktaraf menara sedia ada dan meningkatkan bilangan pelanggan kemudahan yang telah tersedia.

2. Melalui projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB), sebanyak 1,192 sambungan melibatkan 1 ibusawat telah tersedia yang menawarkan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan Parlimen Tanjong Manis. Selain itu, di bawah inisiatif Peluasan Liputan Selular dan Jalur Lebar Mudah Alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada,

sebanyak 14 buah menara komunikasi baharu telah siap dibina dan 21 buah menara sedia ada telah dinaiktaraf kepada perkhidmatan 3G/4G di Parlimen Tanjung Manis.

3. Inisiatif ini merupakan tambahan kepada 23 buah menara yang dibangunkan secara komersial oleh pemberi perkhidmatan di Parlimen Tanjung Manis.

4. Daripada jumlah tersebut, satu menara komunikasi telah dibina di kawasan Paloh yang menyediakan perkhidmatan 3G kepada penduduk setempat. Di kawasan Kedang pula, terdapat satu menara komunikasi sedang dibina dan dijangka akan beroperasi sepenuhnya menjelang suku pertama tahun 2020.

5. Manakala di kawasan utara Pulau Bruit pula, terdapat 8 buah menara komunikasi yang telah siap beroperasi memberikan perkhidmatan sehingga 4G kepada penduduk setempat, manakala tambahan 2 buah menara lagi dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap menjelang suku pertama tahun 2020.

6. Bagi kawasan Berangan pula, terdapat tambahan 3 buah menara yang telah dirancang oleh Sarawak Multimedia Authority (SMA) untuk dibangunkan di kawasan berkenaan. Kerajaan menyokong usaha YB mewar-warkan kepada penduduk tempatan dengan melanggan sambungan tersedia sebagai balasan agar kestabilan liputan dapat dinikmati bersama.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

TARIKH : 13 MAC 2019

SOALAN : 34

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kes permohonan dari Sarawak yang masih dalam proses untuk mendapat kad pengenalan hijau, kad pengenalan merah dan kad pengenalan biru serta nyatakan sama ada Kementerian dapat menetapkan satu tempoh masa bagi setiap proses permohonan kewarganegaraan serta memberi sebab jika kes permohonan itu gagal supaya ia memudahkan pemohon untuk memohon semula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bertanggungjawab mendaftarkan permohonan dan mengeluarkan kad pengenalan warganegara Malaysia (MyKad), kad pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR), dan kad pengenalan Pemastautin Sementara (MyKAS) selaras dengan Akta Pendaftaran Negara 1978 dan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Berdasarkan rekod JPN dari tahun 2013 hingga 15 Februari 2019, JPN sedang memproses sejumlah 38 permohonan baharu kad pengenalan Malaysia pertama kali di negeri Sarawak. Perincian mengenai jumlah kad pengenalan Malaysia di negeri Sarawak yang sedang diproses mengikut kategori kad adalah seperti berikut:-

KATEGORI KAD	JUMLAH
MyKad (permohonan daftar lewat MyKad)	30
MyPR	0
MyKAS	8
JUMLAH	38

Berhubung penetapan tempoh masa bagi setiap permohonan kewarganegaraan, setiap permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh Kementerian akan diproses dengan teliti dalam memastikan setiap permohonan berkenaan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.

Oleh yang demikian, tempoh bagi mendapatkan keputusan sesuatu permohonan kewarganegaraan adalah berbeza-beza berdasarkan kes dan tiada tempoh tertentu yang ditetapkan. Bagi permohonan kewarganegaraan yang telah siap diproses dan mendapat keputusan tolak, Kementerian sedang dalam peringkat akhir pengemaskinian Prosedur Operasi Standard (SOP) Permohonan Kewarganegaraan yang mana SOP tersebut turut mengandungi mekanisme pemakluman kepada pemohon berkaitan sebab-sebab sesuatu permohonan kewarganegaraan itu ditolak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP [PENSIANGAN]

TARIKH : 13.3.2019 (RABU)

SOALAN NO. 35

Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk membina semula bangunan Pra Sekolah, Sekolah Kebangsaan Nandagan di Sook yang telah musnah akibat kebakaran tahun lalu.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sangat prihatin terhadap musibah kebakaran bangunan prasekolah di Sekolah Kebangsaan Nandagan yang terletak dalam pekan Sook, Keningau, Sabah pada awal Januari 2019.

Sebagai tindakan susulan, KPM telah memohon kerjasama daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk melakukan pemeriksaan ke atas bangunan prasekolah tersebut pada 28 Januari 2019. Hasil pemeriksaan telah mengesahkan bahawa bangunan tersebut tidak ekonomik untuk dibaiki. Oleh yang demikian, KPM telah membuat permohonan bangunan gantian prasekolah untuk dicadangkan dan dimasukkan dalam senarai permohonan projek Rancangan Malaysia Ke-12.

Sekian, terima kasih

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU
KAWAN]**

TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN :

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan permohonan perkahwinan bawah 18 tahun melalui semua Mahkamah Syariah dan mahkamah sivil serta mahkamah “*native*” setakat ini serta apakah status perangkaan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 (Seksyen 8) serta Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976 (Seksyen 10) untuk menetapkan had umur perkahwinan pada 18 tahun, dan apakah garis masa yang akan diambil untuk penggubalan akta ini.

JAWAPAN : (YB DATO' SERI DR. MUJAHID BIN YUSUF, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Perkara mengenai status pindaan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [*Akta 303*] dan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [*Akta 164*] untuk menetapkan had umur perkahwinan pada umur 18 tahun dan garis masa yang akan diambil untuk penggubalan pindaan ini merupakan urusan dasar Kerajaan.

Pada masa ini, sesi perbincangan dan libat urus bersama agensi-agensinya masih diteruskan bagi memastikan pindaan yang dicadangkan tersebut adalah komprehensif dan dapat dikuatkuasakan secara berkesan kelak. Selain itu, cadangan pindaan tersebut akan dibentangkan kepada Negeri-Negeri melalui Majlis Dialog dan Persidangan Penyelarasan Undang-Undang Syarak dan Sivil bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas.

Oleh yang demikian, RUU ini akan dibentangkan di Parlimen setelah sesi rundingan dengan Negeri-Negeri dan *stake holders* selesai dijalankan dan setelah draf pindaan dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil.

Pada masa ini juga, Kerajaan sedang menjalankan kajian dan rundingan dengan pihak-pihak berkepentingan berhubung dengan cadangan pindaan kepada kedua-dua Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 dan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 termasuk untuk menambah baik tatacara permohonan perkahwinan bawah umur yang sedia ada.

Sehingga kini, bilangan permohonan perkahwinan bawah 18 tahun melalui Mahkamah Syariah adalah seperti berikut:

Negeri	2018
Johor	61
Kedah	90
Kelantan	140
Melaka	15
Negeri Sembilan	20
Pahang	74
Perak	45
Perlis	22
Pulau Pinang	15
Sabah	112
Sarawak	104
Selangor	63
Terengganu	73
Wilayah Persekutuan	21
Jumlah	855

**Data ini dijana melalui sistem SKMS bermula 01 Jan 2016 sehingga 31 Dis 2018*

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]**

TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 37

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan program untuk membantu pekebun-pekebun yang menanam sayur di Sibu. Bagaimana pekebun sayur boleh mendapat bantuan daripada Kementerian atau melalui agensi Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2016 sehingga tahun 2018, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian Sarawak telah memperuntukan sejumlah RM 600,000 bagi melaksanakan skim bantuan tanaman sayur di Bahagian Sibü. Seramai 45 petani daripada Daerah Sibü, Selangau dan Kanowit telah mendapat manfaat daripada skim tersebut. Bagi para petani yang berminat dalam penanaman sayur boleh memohon skim bantuan tersebut daripada Pejabat Pertanian Sarawak di setiap Daerah yang berdekatan.

Pekebun-pekebun yang menanam sayur-sayuran digalakkan menyertai Program Ladang Kontrak MOA. Antara perkhidmatan yang boleh diperolehi adalah pekebun mendapat jaminan pasaran ke atas produk yang dihasilkan dengan membuat perjanjian jual beli di antara pihak pekebun dengan pihak FAMA. Di dalam perjanjian jual beli tersebut, FAMA menawarkan 2 kaedah penetapan harga iaitu belian pada harga tetap dan belian pada harga semasa, disokong dengan harga lantai. Pada masa ini seramai 38 orang petani telah berdaftar bagi komoditi sayur-sayuran dengan keluasan kawasan tanaman sebanyak 69.40 hektar.

Selain itu, pekebun sayur tersebut juga boleh menjana pendapatan tambahan dengan menjual terus kepada pengguna melalui platform-platform seperti Program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) dan *MyBest Buy* (MBB) anjuran FAMA termasuk Pasar Tani Kekal di Permai dan outlet-outlet FAMA seperti Agrobazaar Kedai Rakyat di sekitar Sibü melalui premisnya yang terletak di Jalan Delta, Kampung Hilir dan Kampung Datu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 13.3.2019 (RABU)

SOALAN NO. 38

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan bilakah kelulusan bagi pembinaan Sekolah Kebangsaan Taman Pelangi di Semenyih, Selangor diberikan dan berapakah jumlah peruntukan keseluruhan untuk sekolah di negeri Selangor dan melibatkan berapa buah sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Sekolah Kebangsaan Taman Pelangi di Semenyih, Selangor telah diluluskan oleh Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dalam *Rolling Plan* 1 Tahun 2016, Rancangan Malaysia Ke-11 dengan kos sebanyak RM31.2 juta.

KPM ingin memaklumkan bahawa pada 23 Julai 2018 satu permohonan telah dihantar kepada Kementerian Kewangan agar projek ini dikecualikan daripada proses tender semula ekoran arahan Kementerian Kewangan pada 29 Jun 2018 agar semua perolehan kerajaan dihentikan sementara. Pada 3 September 2018, KPM telah menerima surat persetujuan daripada Kementerian Kewangan berhubung permohonan pengecualian proses tender semula tersebut.

NO. SOALAN : 38

Seterusnya, pada 4 Oktober 2018, Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan kepada kontraktor.

Projek bina baharu tersebut melibatkan pembinaan 24 bilik darjah dan kemudahan lain-lain selama 24 bulan dan dijangka siap pada tahun 2021. Pada ketika ini projek sedang dalam pembinaan dengan status fizikal lima peratus (5%).

Peruntukan mengurus bagi tujuan perbelanjaan emolumen dan pengurusan operasi untuk sekolah-sekolah di negeri Selangor bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM4,713,243,700.00 yang melibatkan 939 buah sekolah.

Sekian, terima kasih.

RJM 13

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU]
TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)**

SOALAN NO. 39

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan perkembangan terkini proses memulangkan syarikat utiliti Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah, dan apakah kekangan bagi menyiapkan proses tersebut dengan kadar segera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan Persekutuan telah bersetuju secara prinsip untuk menyerahkan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) kepada Kerajaan Negeri Sabah pada 19 Disember 2018.
2. Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri Sabah juga telah menyatakan persetujuan secara prinsip berkenaan penyerahan ini dan pihaknya sedang melaksanakan *due diligence* sebelum proses pengambilalihan boleh dilaksanakan. Kerajaan Negeri Sabah turut memaklumkan bahawa rundingan mengenai pelan penstrukturan semula dan penyerahan SESB kepada Kerajaan Negeri Sabah hanya akan dimulakan selepas hasil *due diligence* diperolehi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
[TENGGARA]**

TARIKH : 13 MAC 2019

SOALAN : 40

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah bilangan ketua balai atau ketua polis daerah yang telah dipindahkan atau ditamatkan jawatan akibat melindungi jenayah judi haram (siber/terbuka) oleh Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JITS) Polis Diraja Malaysia dari Januari 2017 hingga Disember 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam memastikan aktiviti perjudian haram dapat dikekang sepenuhnya peranan kepada Ketua Polis Daerah dan Ketua Polis Balai digembeling sepenuh untuk membuat risikan dan mengambil tindakan terhadap premis yang menganjurkan aktiviti perjudian haram secara atas talian atau perjudian secara terbuka.

Selain itu, Ketua Polis Daerah dan Ketua Polis Balai juga dipertanggungjawab sepenuhnya dan tindakan untuk menukarkan daripada daerah berkenaan akan dibuat secara serta merta dan tindakan tatatertib akan diambil jika siasatan yang dibuat oleh Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) mendapati pegawai polis terlibat atau melindungi sindiket perjudian.

Sejak arahan yang dikeluarkan oleh YDH Ketua Polis Negara pada 20 Julai 2018 dan sehingga kini seramai 12 orang pegawai telah ditukarkan secara serta merta kerana didapati aktiviti perjudian haram masih lagi beroperasi dalam daerah berkenaan. Pertukaran tersebut melibatkan Ketua Polis Daerah (KPD), Timbalan Ketua Polis Daerah (T/KPD), Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (KBSJD), Pegawai Turus D7 Kontinjen, Ketua Polis Balai (KPB) dan Pegawai Risikan dan Operasi (RO) Jenayah Daerah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 41

Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI menyatakan SOP dalam kawalan Hutan Simpan Kekal daripada teroka haram dan teroka luar kerana didapati tindakan kawalan pada kes-kes yang tertentu amat mengecewakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) memandang serius isu penerokaan haram yang melibatkan Hutan Simpanan Kekal (HSK). Pada masa ini penjenayah yang melakukan pembalakan haram atau kesalahan hutan boleh didakwa berdasarkan Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313].

Sehingga kini, JPSM mempunyai enam (6) *Standard Operating Procedure* (SOP) yang melibatkan skop penguatkuasaan dan perundangan melalui Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) bagi mengawal dan membendung penerokaan haram di HSK.

KATS melalui JPSM turut mengadakan inisiatif program penguatkuasaan bersepadu. Program tersebut diadakan bagi memperkasakan penguatkuasaan dalam membanteras penerokaan haram di dalam dan di luar HSK seperti berikut:

- (a) Penubuhan Pasukan Elit Penguatkuasaan JPSM (JET);
- (b) Pasukan penguatkuasaan perhutanan di negeri-negeri telah disediakan kemudahan logistik yang *rugged* seperti motosikal lasak dan penggunaan senjata api;
- (c) Program kawalan menyeluruh di kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) terutamanya bagi kawasan-kawasan yang

dikenal pasti berisiko tinggi (*hotspot*) bertujuan membanteras aktiviti pencerobohan dan pembalakan haram di Hutan Simpanan Kekal;

- (d) Penubuhan Unit Perisikan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bagi membantu tindakan penguatkuasaan yang tepat dan pantas;
- (e) Penggunaan teknologi terkini melalui aplikasi Sistem *Forest Monitoring Using Remote Sensing Plus 5* (FMRS+5) bagi mengesan perubahan litupan kawasan hutan. Sistem ini disokong dengan penggunaan dron yang memberi gambaran kawasan secara real time; *Geographical Information System* (GIS) dan *Global Positioning System* (GPS); dan
- (f) Penubuhan Pusat Pemantauan Sumber Hutan Negara yang beroperasi 24 jam di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dalam pemantauan kesalahan hutan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN
BIN TUN HUSSEIN (SEMBRONG)

TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah tindakan susulan Kementerian ke atas isu keselamatan di sempadan Sarawak-Kalimantan Barat selepas insiden memeras ugut rakyat Malaysia yang membabitkan Tentera Nasional Indonesia (TNI) yang dilaporkan berlaku di Serian, Sarawak baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kes memeras ugut ini melibatkan empat (4) warganegara Malaysia yang ditahan oleh pihak Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Darat (TNI-AD) pada 11 Disember 2018. Mereka telah dibawa ke Pos Enteli iaitu Pos TNI-AD yang terletak 5 km dari tempat kejadian kerana dituduh mengambil hasil hutan di kawasan Indonesia. Hasil maklumat yang diterima, pihak Tentera Darat Malaysia (TDM) dan TNI-AD telah melaksanakan tinjauan bersama ke lokasi kejadian pada 12 Disember 2018 bagi mengesahkan insiden tersebut. Setelah dihadiri oleh kumpulan tinjauan, Ketua Penempatan Pos Enteli telah menyerahkan kembali empat (4) warganegara Malaysia yang ditahan kepada pihak berkuasa Malaysia.

Semasa ditahan, mangsa telah disebat di bahagian belakang badan serta dipaksa untuk mengaku mengambil hasil kayu di kawasan Indonesia. Salah seorang mangsa telah diarahkan untuk memaklumkan kepada semua keluarga mangsa terlibat untuk menyediakan wang berjumlah RM10,000 bersama dua buah *chainsaw* sebagai tebusan. Ketua Staf Markas 3 Briged, Pegawai Memerintah 10 Rejimen Renjer Diraja (RRD) dan *Indonesian Liason Officer* (ILO) Kuching telah hadir ke lokasi kejadian pada 14 Disember 2018 bagi pengesahan tempat penahanan seterusnya mendapatkan kembali kenderaan yang telah dirampas.

Satu rundingan telah dilaksanakan pada 16 Dis 18 melibatkan formasi briged di kawasan sempadan kedua negara iaitu Formasi 3 Briged dari Malaysia dan Formasi Korem 121 / Alambhana Wananai dari Indonesia. Pihak TNI-AD telah mengemukakan permohonan maaf dan akan mengambil tindakan yang tegas terhadap anggota mereka yang terlibat. Pihak TNI-AD juga memohon agar perkara ini tidak dipanjangkan ke peringkat atasan. Walau bagaimanapun, pihak PDRM Cawangan Khas merasakan insiden ini sebagai keterlaluan dan merupakan satu jenayah. PDRM mencadangkan satu Nota Bantahan dibuat kepada Kerajaan Indonesia.

Lanjutan daripada rundingan tersebut, satu mesyuarat susulan telah dilaksanakan oleh Kementerian Luar Negeri (KLN) Sarawak bersama-sama pihak ATM, PDRM, Konsulat Jeneral Republik Indonesia (KJRI) dan TNI-AD pada 19 Disember 2018. Pihak KLN Sarawak bersetuju untuk menghantar laporan kepada Kementerian Luar bahawa kes ini telah diselesaikan melalui agensi sempadan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK ZAKARIA BIN MOHD
EDRIS@TUBAU
[LIBARAN]
TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 43

Y.B. DATUK ZAKARIA BIN MOHD EDRIS@TUBAU [LIBARAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status kutipan cukai Negara sehingga kini dan kadar hutang yang sudah dilangsaikan oleh Kerajaan baharu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2019 diunjur pada RM261.8 bilion. Daripada jumlah tersebut, hasil cukai adalah berjumlah RM176.2 bilion di mana hasil cukai langsung adalah sebanyak RM135.1 bilion manakala cukai tidak langsung pula berjumlah RM41.1 bilion. Hasil bukan cukai dianggar sebanyak RM85.7 bilion.

2. Secara amnya, paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak akan berkurang selagi kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mengalami defisit. Kerajaan akan terus membuat pinjaman baru pada setiap tahun untuk membiayai semula hutang yang matang dan menampung perbelanjaan pembangunan. Hutang Kerajaan Persekutuan hanya dapat dikurangkan sekiranya kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mempunyai lebihan (*surplus*) yang mencukupi untuk membiayai hutang dan perbelanjaan pembangunan. Sebagai contoh, sepanjang tempoh 1993 - 1997, Kerajaan berjaya mengurangkan hutang daripada RM95.9 bilion pada 1993 kepada RM89.9 bilion pada 1997 berikutan lebihan fiskal dalam kedudukan kewangan tahunan.

3. Bagi tahun 2018, hutang rasmi Kerajaan Persekutuan meningkat daripada RM686.8 bilion atau 50.7% daripada KDNK pada tahun 2017 kepada RM741 bilion atau 51.8% daripada KDNK. Peningkatan sebanyak RM54.2 bilion ini digunakan untuk membiayai defisit tahun 2018. Perlu ditegaskan hutang rasmi Kerajaan Persekutuan tidak merangkumi pembayaran hutang yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan.

4. Dalam usaha mengurangkan paras hutang ini, Kerajaan harus melaksanakan langkah penjimatan perbelanjaan bagi memastikan konsolidasi fiskal dapat diteruskan. Perbelanjaan pembangunan juga akan dikaji semula bagi mengutamakan projek-projek yang berimpak tinggi serta memberhentikan projek-projek mega yang berkos tinggi dan diluar kemampuan Kerajaan. Walau

NO SOALAN : 43

bagaimanapun, Kerajaan akan memastikan langkah berhemah yang diambil oleh Kerajaan tidak akan menjejaskan keyakinan pelabur terhadap Malaysia serta memastikan kadar pertumbuhan negara kekal memberangsangkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG]

TARIKH : 13 MAC 2019 [RABU]

SOALAN NO. 44

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kesudian Kementerian untuk melaksanakan “packaging tax” dan “Deposit Return Scheme” yang menggalakkan rakyat kitar semula bahan bungkusan minuman termasuk plastik dan tin aluminium.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa kini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang meneroka inisiatif ke arah pelaksanaan *Extended Producer Responsibility* (EPR) di Malaysia dengan meneliti beberapa mekanisme di bawah EPR seperti *Deposit Refund System* (DRS), *Take Back System* (TBS) dan *Advance Disposal Tax* (ADT). Pelaksanaan *packaging tax* juga antara program dalam peringkat kajian dan penelitian Kementerian.
2. Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) mempunyai peruntukan bagi pelaksanaan TBS dan DRS. Namun begitu, pelaksanaan EPR di bawah Akta 672 hanya terpakai di 7 negeri

yang menerima pakai Akta tersebut. KPKT berpandangan bahawa penglibatan industri di seluruh Malaysia adalah diperlukan bagi mencapai matlamat pelaksanaan EPR. Di samping itu, pelaksanaan TBS dan DRS memerlukan penubuhan Badan Pengurusan Dana (*Fund Management Body*) yang akan mengawal aliran tunai daripada pengilang sehingga ke pusat kutipan, penyedia perkhidmatan pengangkutan berlesen dan pusat kitar semula berlesen.

3. Dalam hal ini, beberapa siri libat urus juga telah dilaksanakan bersama dengan pihak-pihak yang berkaitan seperti syarikat konsesi, pemilik jenama barang dan konsumer (*owner of consumer goods brand*), pemain industri serta persatuan-persatuan berkaitan sisa plastik dan kitar semula bagi mengumpul maklumat serta membincangkan mekanisme terbaik pelaksanaan EPR di Malaysia. KPKT pada masa ini sedang mengadakan perbincangan awal bersama Kementerian Kewangan untuk melaksanakan sistem ADT di mana cukai pelupusan pada kadar tertentu dikenakan semasa pembelian sesuatu produk untuk membiayai kos pelupusan atau proses mengitar semula produk tersebut. Cadangan pelaksanaan ADT ini akan difokuskan kepada sisa pepejal yang boleh dikitar semula dan bernilai rendah.

4. Selain itu, projek perintis kitar semula iaitu *reversed vending machine* telah dilaksanakan oleh Alam Flora Sdn. Bhd. di PPR Beringin, Kuala Lumpur. Projek perintis ini juga akan diperluaskan di beberapa Kementerian di Putrajaya. Pengguna akan mendapat manfaat daripada penggunaan *reversed vending machine* ini dengan mengumpul mata ganjaran setiap kali mengitar semula botol minuman plastik atau tin aluminium. Dalam hal ini, KPKT amat menggalakkan syarikat konsesi untuk memperluas inisiatif *reversed vending machine* ini di kawasan perkhidmatan masing-masing di samping membeli barangan kitar semula daripada orang awam dan dibayar mengikut harga pasaran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,
PENGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN
(KENINGAU)**

TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan memandangkan prestasi cemerlang “Border Scouts Sabah” dan “Sarawak Rangers” pada zaman yang lalu dan masalah keselamatan yang serius di Sabah, adakah Kerajaan bercadang mengaktifkan semula pasukan “Border Scouts Sabah” dan “Sarawak Rangers” untuk membantu pihak keselamatan persekutuan menjaga keselamatan Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan amat memandang serius isu keselamatan negara terutamanya di Sabah dan Sarawak. Pada masa ini, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah menempatkan formasi-formasi di kedudukan strategik bagi mempertahankan kedaulatan negara. Pasukan yang sedia ada mampu untuk melaksanakan tugas menjaga keselamatan. Setakat ini, kerajaan tidak merancang untuk mengaktifkan semula “*Border Scouts Sabah*” dan “*Sarawak Rangers*”.

NO SOALAN : 45

ATM juga telah memperkuat pertahanan di negeri Sabah dan Sarawak dengan menstruktur semula organisasi Tentera Darat agar dapat beroperasi secara serentak di kedua-dua wilayah Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat melibatkan penstrukturan semula satu Divisyen Infantri dan Dua Briged Infantri di Sabah dan Sarawak. Selain itu, ATM turut mengatugerakkan trup dan aset yang bersesuaian untuk membantu kawalan keselamatan di *Eastern Sabah Security Zone* (ESSZONE) di bawah kawalan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM). Sebagai maklumat, ESSCOM adalah di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) namun pihak Kementerian Pertahanan dan ATM sentiasa memberikan kerjasama penuh kepada KDN serta kerajaan negeri Sabah dalam memastikan keselamatan di kawasan berkenaan sentiasa terjamin.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI
SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 46

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan dan usaha untuk menambah lagi sektor utama dan skop bagi Program Agropreneur Muda untuk tahun 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Agropreneur Muda (PAM) merupakan satu program yang telah dilaksanakan oleh MOA sebagai projek rintis pada tahun 2014. Program ini dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2016 sehingga kini. Objektif utama program ini adalah bagi menarik minat serta penglibatan golongan belia dalam sektor agromakanan dan seterusnya untuk meningkatkan pendapatan golongan belia yang terlibat dalam sektor agromakanan negara.

Skop di bawah PAM antaranya menyediakan geran bagi input pertanian, pakej pembiayaan mudah dan khidmat nasihat teknikal dan latihan. Bagi tempoh 2016 hingga 2018, seramai 4,627 belia telah mendapat manfaat daripada program ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, bidang atau subsektor utama PAM sebenarnya telah meliputi semua aktiviti di sepanjang rantai nilai agromakanan negara. Sebagai contoh, bidang yang terlibat dalam aspek pengeluaran merangkumi tanaman, ternakan dan perikanan. Dari aspek pemprosesan pula adalah seperti bidang industri asas tani, pemasaran dan agropelancongan. Manakala di rantai terakhir melibatkan bidang perkhidmatan sokongan lain seperti penyediaan input pertanian.

MOA telah diperuntukkan sebanyak RM20 juta bagi tahun 2019 untuk program ini. Kira-kira 1,200 orang usahawan muda dijangka akan mendapat manfaat di bawah program ini. MOA akan sentiasa membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Justeru, segala cadangan serta pandangan untuk menambah baik program ini adalah amat dialu-alukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI
BIN GHAZALI [BAGAN SERAI]**

TARIKH : 13 MAC 2019 [RABU]

SOALAN NO. 47

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah penyelesaian Kementerian untuk menangani masalah kucing dan anjing liar di kawasan perumahan dan apakah undang-undang terhadap penderaan haiwan mencukupi setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Seksyen 73(1)(m), Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] telah memperuntukkan kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengadakan Undang-undang Kecil (UUK) Pelesenan Anjing untuk menyelia, melesen, menyita, memusnah dan melupuskan anjing liar dalam kawasan PBT. Di bawah UUK tersebut, semua anjing yang dipelihara hendaklah dilesenkan oleh PBT. Anjing yang tidak berlesen atau berlesen, yang merayau tanpa tuan di tempat awam adalah ditakrifkan sebagai anjing terbiar yang boleh diambil tindakan oleh PBT.

2. Di bawah Seksyen 80, Akta 171 juga memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk memberhentikan, memusnahkan dan menghapuskan segala kacau ganggu dari jenis awam dalam kawasan PBT, manakala Seksyen 81(b), Akta 171 memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk mengambil tindakan secara terus ke atas anjing dan kucing terbiar atau liar yang menjadi punca kacau ganggu kepada penduduk setempat.

3. Selain itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan PBT melalui Pekeliling Ketua Setiausaha KPKT Bilangan 5 Tahun 2014 bertarikh 9 Julai 2014 untuk diguna pakai oleh semua PBT di seluruh Malaysia. SOP ini juga digunakan bagi menguruskan kucing terbiar oleh PBT. PBT berkuasa menangkap, menyita, memusnah atau melupuskan anjing dan kucing terbiar dalam kawasan PBT mengikut SOP ini. SOP ini telah mengambil kira unsur-unsur kebajikan haiwan di mana tatacara penangkapan, pengendalian dan pelupusan anjing dan kucing terbiar dilaksanakan tanpa penganiayaan kepada haiwan.

4. Bagi menangani isu penderaan haiwan pula, Kerajaan telah menguatkuasakan Akta Kebajikan Haiwan 2017 (Akta 722) bagi memastikan pemilik haiwan bertanggungjawab ke atas keperluan kebajikan haiwan masing-masing. Di bawah Akta ini, sesiapa yang didapati bersalah melakukan penderaan atau kekejaman ke atas haiwan boleh didenda maksimum RM100,000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]
TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 48

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

- a) Berapakah kadar kenaikan pesakit yang menghidap penyakit buah pinggang dalam tempoh satu tahun dan apakah langkah Kementerian membendung kenaikan kadar ini; dan
- b) Berapakah jumlah pusat dialisis Kerajaan dan swasta di seluruh negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Data *Preliminary Report Malaysian Dialysis and Transplant Registry 2016* menunjukkan bahawa pada tahun 2016 terdapat 16 pusat hemodialisis awam, 43 pusat hemodialisis swasta dan 13 pusat hemodialisis NGO di Negeri Perak. Pada tahun 2016 terdapat sejumlah 3,659 orang pesakit yang menjalani rawatan dialisis di Negeri Perak di mana 3,448 orang pesakit menjalani rawatan hemodialisis dan 211 orang pesakit menjalani rawatan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD). Daripada jumlah ini, 27% menerima rawatan di pusat awam, 55% di pusat swasta dan 18% di pusat NGO. *Registry* tersebut hanya mengumpul data keseluruhan Negeri Perak dan tiada data mengikut pecahan lokasi.

Unit Hemodialisis di Klinik Kesihatan Pantai Remis, Perak sedang dalam pembinaan. Pada masa kini, pesakit yang memerlukan perkhidmatan dialisis di kawasan tersebut mendapat perkhidmatan dialisis di pusat hemodialisis awam, swasta dan NGO yang berdekatan. Pusat hemodialisis awam yang berdekatan dengan Klinik Kesihatan Pantai Remis, Perak adalah Hospital Seri Manjung (35 km), Hospital Cangkat Melintang (48 km), Hospital Taiping (54 km).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]**

TARIKH : 13 MAC 2019

SOALAN : 49

Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menyelesaikan isu kewarganegaraan yang tiada kesudahan agar tidak timbul permasalahan kepada anak-anak dalam mendapatkan hak yang sepatutnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi kanak-kanak berumur kurang dari 21 tahun yang bertaraf bukan warganegara, ibu bapa atau penjaga yang sah boleh mengemukakan permohonan untuk kanak-kanak itu memperoleh kewarganegaraan Malaysia melalui pendaftaran, jika telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan perundangan yang berkaitan dengan pendaftaran perkahwinan, pendaftaran kelahiran, pengangkatan yang sah serta lain-lain perundangan berkuatkuasa.

Berdasarkan kepada rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2013 hingga 15 Februari 2019, sebanyak 51,399 permohonan kewarganegaraan melalui pendaftaran di bawah Perkara 15(2) dan Perkara 15A telah diterima. Daripada jumlah permohonan berkenaan, sebanyak 1,686 permohonan telah diluluskan dan 34,286 permohonan sedang diproses, manakala 13,420 permohonan ditolak serta 2,007 permohonan dibatalkan kerana tidak memenuhi syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.

Kementerian melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan urusan pendaftaran dokumen pengenalan diri individu yang berkelayakan dapat dilaksanakan dengan mudah di seluruh negara termasuk di kawasan pedalaman dan luar bandar melalui inisiatif berterusan seperti mana berikut:-

- i. Perkhidmatan menerusi Program Turun Padang (Program *Outreach*);
- ii. Perkhidmatan melalui Unit *Mobile*; dan
- iii. Perkhidmatan melalui Bas *Mobile*.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 13 MAC 2019

SOALAN : 50

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi memastikan pilihan raya berlangsung dengan adil dan Menteri tidak menyalahgunakan aset serta peruntukan Kementerian ketika berkempen.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan sistem dan proses pilihan raya dilaksanakan secara berintegriti, semua langkah yang telah diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) adalah mematuhi undang-undang dan peraturan yang sedang berkuat kuasa. Selain itu, SPR juga sedang meneliti dan mendapatkan pandangan daripada pelbagai pihak seperti Jawatankuasa Pilihan Khas di bawah Parlimen berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (2012), *Institutional Reforms Committee* (IRC), masyarakat sivil, badan bukan Kerajaan (NGO), parti-parti politik dan ahli-ahli akademik berkaitan cadangan penambahbaikan sistem pilihan raya.

SPR tidak menghalang mana-mana calon untuk berkempen tetapi mereka perlu mematuhi peruntukan undang-undang di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dan akta-akta lain yang berkaitan. Bagi memastikan proses berkempen berjalan dengan lancar semasa sesuatu pilihan raya, SPR juga menubuhkan Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR) untuk memantau aktiviti berkempen bagi calon dan parti politik yang bertanding dalam sesuatu pilihan raya.

Di samping itu, SPR juga melantik Pemerhati Pilihan Raya di kalangan agensi Kerajaan, badan berkanun, NGO dan individu yang berkelayakan untuk turut sama membantu SPR dalam memantau aktiviti kempen pilihan raya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 13 MAC 2019

SOALAN : 51

**Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan:-**

(a) Statistik penduduk tempatan Sarawak di kalangan suku kaum Iban dan Orang Ulu di daerah Kapit, Belaga dan Tubau yang telah dikeluarkan dengan kad pengenalan berstatus Penduduk Sementara atau dengan sijil kelahiran berstatus Belum Ditentukan; dan

(b) Langkah penyelesaian yang telah atau akan diambil untuk menangani isu taraf kewarganegaraan bagi pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Sementara (MYKAS) dan sijil kelahiran bertaraf Belum Ditentukan untuk penduduk negeri Sarawak yang dikategorikan sebagai penduduk asal / pribumi Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengeluaran kad pengenalan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah berdasarkan Akta Pendaftaran Negara 1978 dan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Justeru itu, pengeluaran kad pengenalan Pemastautin Sementara (MyKAS) kepada mereka yang status kewarganegaraan belum ditentukan atau diragui adalah berdasarkan dua perkara berikut iaitu:-

- i. Sijil Kelahiran yang taraf 'Belum Ditentukan'; dan
- ii. Ibu Bapa tidak mempunyai Dokumen Pengenalan Diri atau Nombor Dokumen Pengenalan Diri Ibu Bapa tidak merujuk kepada sebarang kad pengenalan atau passport.

Berdasarkan kepada rekod JPN dari tahun 2013 hingga 15 Februari 2019, JPN telah mendaftarkan dan mengeluarkan sejumlah 256 kad pengenalan Pemastautin Sementara (MyKAS) dan 63 Sijil Kelahiran berstatus 'Belum Ditentukan' kepada penduduk negeri Sarawak dari kalangan suku kaum Iban dan Orang Ulu di daerah permohonan iaitu Belaga, Kapit dan Sebauh (Tubau).

Bagi individu warga asing atau bertaraf belum ditentukan, mereka boleh mengemukakan permohonan untuk memperoleh kewarganegaraan Malaysia sama ada melalui pendaftaran atau penaturalisasian, jika telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan perundangan yang berkaitan dengan pendaftaran perkahwinan, pendaftaran kelahiran, pengangkatan yang sah serta lain-lain perundangan berkuatkuasa.

Selain daripada itu, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan pendaftaran Sijil Kelahiran serta dokumen pengenalan diri bagi individu yang berkelayakan dapat dilaksanakan dengan mudah di seluruh negara termasuklah di kawasan luar bandar melalui inisiatif berterusan seperti Program Turun Padang (*Outreach Program*), *Unit Mobile*, dan *Bus Mobile*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program-program berkenaan menyediakan pelbagai perkhidmatan termasuklah khidmat nasihat berkaitan pendaftaran Kad Pengenalan, Kelahiran dan Kematian. Berdasarkan rekod JPN dari tahun 2013 hingga 28 Februari 2019, jumlah program yang berjaya dilaksanakan adalah sebanyak 9,224 program yang telah merekodkan sebanyak 220,879 permohonan dan 43,340 khidmat nasihat dalam pelbagai perkara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 13.3.2019 (RABU)

SOALAN NO. 52

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menukar kriteria pemberian biasiswa supaya mempunyai komponen pendapatan isi rumah (*means tested*) dan tidak bersandarkan merit semata-mata.

JAWAPAN

TuanYang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mencadangkan agar komponen pendapatan isi rumah (*means tested*) dijadikan sebagai kriteria pemberian biasiswa. Sehingga kini, KPM menawarkan tajaan Biasiswa berdasarkan kepada merit pemohon bagi memenuhi keperluan perkhidmatan di KPM sama ada di sekolah, Kolej Politeknik, Kolej Komuniti, Kolej Matrikulasi dan Universiti Awam.

Selain daripada itu, pemberian biasiswa juga mengambil kira faktor kelayakan iaitu KPM sentiasa memastikan pemberian biasiswa di peringkat pendidikan tinggi diberikan kepada pelajar yang berkelayakan dan memenuhi kriteria ditetapkan seperti merit akademik, ko-kurikulum dan latar belakang sosioekonomi keluarga pemohon dari seluruh Malaysia. Ini merupakan antara usaha-usaha pihak Kementerian untuk membantu pelajar-pelajar yang mempunyai masalah kewangan dan

NO. SOALAN: 52

kurang berkemampuan dalam meneruskan pengajian ke institusi pendidikan tinggi.

Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa bersedia menambah baik dan melaksanakan kajian dari semasa ke semasa bagi memastikan dasar program penajaan yang ditawarkan kepada kumpulan sasaran yang berkeelayakan kekal relevan dan terkini berdasarkan keperluan semasa dan masa hadapan Negara.

Sekian, terima kasih.

RJM 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN
[SIK]**

TARIKH : 13 MAC 2019

SOALAN : Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai perancangan dan langkah untuk mewujudkan pejabat kedutaan Malaysia di Semenanjung Gaza, Palestin dalam usaha meningkatkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Palestin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sik di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Ramallah sememangnya merupakan pusat pentadbiran Pihak Berkuasa Palestin. Namun demikian Ramallah dan wilayah Tebing Barat serta Gaza masih merupakan wilayah diduduki Israel (*Occupied Palestinian Territories*).

3. Negara-negara yang membuka pejabat di Ramallah kebanyakannya adalah negara-negara yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel atau pernah menjalin hubungan walaupun secara terhad dengan Israel sebelum ini. Duta Malaysia di Kaherah, Mesir merupakan Duta Malaysia yang ditauliahkan serentak ke Palestin dan adalah saluran perhubungan rasmi Malaysia dengan Pihak Berkuasa Palestin.

4. Justeru, cadangan penubuhan pejabat Kedutaan Malaysia di Palestin adalah satu pendekatan yang dilihat munasabah memandangkan isu Palestin adalah sangat penting bagi negara.

5. Namun terdapat pelbagai faktor dan elemen yang perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan sebelum membuat sebarang keputusan. Dalam hal ini, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri akan terus mengkaji dan mendalami perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO'SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL
AZIZ [TANAH MERAH]
TARIKH : 13.3.2019 (RABU)

Dato'Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah usaha dan langkah yang akan dilakukan oleh Kerajaan bagi menangani kos sara hidup rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi menangani kos sara hidup rakyat antaranya:

- (i) **Melalui kawalan harga barangan** di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan pelaksanaan subsidi bersasar untuk petroleum di bawah Akta Pembangunan Petroleum 1974;
- (ii) **Penghapusan monopoli / kartel** bagi industri-industri yang boleh diliberalisasikan agar wujud persaingan sihat dengan harga yang lebih kompetitif. Di bawah KPDNHEP, perkara ini sedang diteliti oleh Suruhanjaya Persaingan (MyCC) bagi memastikan tiada pemain industri yang dominan dalam pasaran; **dan**
- (iii) Inisiatif terkini Kerajaan melalui **penubuhan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup** yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13 MAC 2019

**DARIPADA : YB DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[Kuala Kangsar]**

SOALAN :

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pecahan atau peratusan mengikut kegunaan wang yang terkumpul di dalam Baitulmal.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, hal-ehwal Agama Islam termasuklah urusan Baitulmal adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri menerusi Majlis Agama Islam Negeri-negeri.

Di Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) adalah Badan Berkanun Persekutuan yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan bernaung di bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Antara tanggungjawab MAIWP adalah menguruskan dana yang biasa disebut dengan istilah dana Baitulmal.

SOALAN NO : 55

Merujuk kepada pecahan penggunaan dana tersebut, MAIWP sebagai contoh pada tahun 2019 memperuntukkan sebanyak 70% daripada peruntukan tahunan Kumpulan Wang Zakat MAIWP untuk tujuan Perbelanjaan Pengagihan Secara Langsung, 14% bagi Perbelanjaan Pengagihan Secara Tidak Langsung dan 16% bagi Perbelanjaan Pengurusan.

Agihan secara langsung merujuk kepada agihan secara khusus kepada asnaf menerusi 28 skim bantuan zakat dan menampung kos aktiviti dan operasi institusi-institusi di bawah MAIWP seperti institusi pendidikan, perlindungan dan kebajikan.

Pengagihan Secara Tidak Langsung pula merujuk kepada pembangunan prasarana yang menjadi keperluan umat Islam seperti tadika, sekolah, institusi pendidikan lain dan institusi kebajikan yang lain bersesuaian dengan pendekatan Islam Rahmatan Lila'lamin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN WONG TACK [BENTONG]**
TARIKH : **13 MAC 2019**

SOALAN NO. 56

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan melaporkan secara terperinci pelan tindakan serta status terkini pengeluaran sisa radioaktif Lynas "*Water Leach Purification*" dari Malaysia. Adakah proses pengeluaran telah bermula dan apakah dasar-dasar keselamatan yang telah ditetapkan untuk menjamin keselamatan pekerja-pekerja, penduduk tempatan serta alam sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian telah menubuhkan *taskforce* bagi memudahcara Syarikat Lynas untuk membawa keluar residu WLP dari Malaysia. Bagi mempercepatkan Syarikat Lynas mendapatkan kebenaran daripada Kerajaan Australia untuk menghantar balik residue WLP ke negara tersebut, Kementerian juga telah memanjangkan surat rasmi kepada pihak berkuasa Australia pada 26 Februari 2019 untuk memaklumkan mengenai kerjasama yang diperlukan bagi pengeluaran residu WLP dari Malaysia ke Australia.

2. Bagi memastikan proses penghantaran keluar residu WLP adalah selamat, Kerajaan melalui Lembaga Perlesenan Tenaga Atom akan memastikan Syarikat Lynas mematuhi segala peruntukan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya serta lain-lain keperluan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]
TARIKH : 13.3.2019 (RABU)

SOALAN NO. 57

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian akan melaksanakan pembinaan blok kelas baru tiga tingkat bagi membolehkan persekolahan di SMK Luar Bandar dijalankan dalam satu sesi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian dan keutamaan kepada pembangunan pendidikan khususnya di sekolah-sekolah yang memerlukan kerja-kerja pembaikan serta naik taraf kemudahan sekolah.

Untuk makluman, SMK Luar Bandar, Miri mempunyai bilangan kelas sebanyak 33 buah dan jumlah murid seramai 1,020 orang. Pada ketika ini, SMK Luar Bandar beroperasi secara dua (2) sesi dan belum mempunyai perancangan untuk membina blok kelas bertingkat di sekolah tersebut. Walau bagaimanapun, KPM akan mengenal pasti secara terperinci keperluan terhadap pengoperasian sekolah satu sesi termasuk kos pembinaan dan pertambahan penduduk di kawasan sekitar sekolah tersebut.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]**

TARIKH : **13 MAC 2019**

MENJAWAB

SOALAN : **58**

YB TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan memfailkan tuntutan saman atau tindakan undang-undang yang lain di Amerika Syarikat terhadap bank pelaburan Goldman Sachs dan pihak lain bagi mendapatkan semula kerugian yang dialami melalui urus niaga dengan 1Malaysia Development Berhad.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peguam Negara telah memfailkan pertuduhan jenayah terhadap anak syarikat Goldman Sachs di Malaysia, dua bekas pekerja Bank Amerika Syarikat, Tim Leissner dan Ng Chong Hwa, bekas pekerja 1Malaysia Development Berhad, Jasmine Loo bersama ahli perniagaan, Low Taek Jho atas kesalahan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671].
2. Ng Chong Hwa telah dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 19 Disember 2018 dalam kes nombor WA-62SC-10-12/2018 dan WA-62SC-11-12/2018.
3. Saman untuk hadir ke Mahkamah telah dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret Kuala Lumpur kepada Goldman Sachs International, Goldman Sachs (Asia) LLC dan Goldman Sachs (Singapore) Pte. pada 17 Disember 2018 masing-masing dalam kes nombor WA-85-12-12/2018, WA-85-13-12/2018 dan WA-85-14-12/2018. Tarikh sebutan akan datang adalah pada 18 Mac 2019.
4. Berhubung dengan Low Taek Jho, Loo Ai Swan dan Tim Leissner, waran tangkap telah dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret Kuala Lumpur pada 17 Disember 2018 masing-masing dalam kes nombor WA-89-1136-12/2018, WA-89-1137-12/2018 dan WA-89-1138-12/2018.

5. Oleh yang demikian, Kerajaan pada masa ini belum berhasrat untuk memfailkan tuntutan saman atau apa-apa tindakan undang-undang di Amerika Syarikat sama ada terhadap bank pelaburan Goldman Sachs mahupun pihak lain yang terlibat bagi mendapatkan semula kerugian yang dialami melalui urus niaga dengan 1Malaysia Development Berhad kerana ingin memberi fokus kepada perbicaraan kes jenayah tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL
AZIZ [BACHOK]**

TARIKH : 13 MAC 2019

SOALAN : 59

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta
MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kemalangan yang
disebabkan oleh pemandu yang membawa kenderaan dalam keadaan
mabuk.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kes kemalangan melibatkan pemandu yang memandu kenderaan dalam
keadaan mabuk akan di siasat oleh pihak PDRM di bawah Seksyen 44
Akta Pengangkutan Jalan 1987, pihak PDRM akan meminta pihak
Hospital mengambil sampel darah untuk dianalisa bagi mengetahui
jumlah kandungan alkohol di dalam badan pemandu berkenaan.

Statistik kemalangan jalan raya yang melibatkan pemanduan di bawah
pengaruh alkohol bagi tahun 2017 dan tahun 2018 adalah sebanyak 67
kes dimana kertas siasatan trafik telah dibuka. Walau bagaimanapun,
daripada jumlah ini hanya 37 kertas siasatan trafik yang dituduh.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD [PARIT SULONG]

TARIKH : 13 MAC 2019

SOALAN : NO. 60

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah spesifikasi model dan pengkhususan teknologi yang diterapkan dalam projek Kereta Nasional 3.0 yang bakal dilaksanakan oleh Kerajaan kelak dan adakah dengan spesifikasi tersebut, Kereta Nasional 3.0 mampu memberi kesan positif jangka panjang kepada alam sekitar dan penggunaan minyak.

**JAWAPAN : YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Projek kereta nasional baharu akan menumpukan kepada kenderaan masa hadapan seperti pemanduan berautonomi dan akan menggunakan enjin elektrik atau hibrid. Kereta nasional baharu ini juga akan berasaskan teknologi industri revolusi keempat atau pemanduan sendiri dan dijangka akan mula berada di pasaran dua tahun lagi.

Transformasi kearah kereta elektrik atau hibrid dianggap sebagai kereta masa depan kerana ia mampu dan berkesan menjimatkan bahan api dan pada masa yang sama, ia hanya menghasilkan asap toksik tahap rendah. Kerana kelebihan ini, populariti kereta hibrid kini semakin berkembang setiap hari. Ramai orang kini mempertimbangkan sama ada untuk menukar kereta konvensional mereka dan membeli sebuah kereta hibrid untuk membantu dalam mengurangkan kos penggunaan bahan api.

Kenderaan mesra alam merupakan satu keperluan pada masa akan datang memandangkan kenderaan konvensional yang menggunakan ICE menggunakan bahan api hidrokarbon dan mendatangkan masalah pencemaran alam yang berskala besar berpunca daripada jumlah kenderaan yang banyak di atas jalan raya.

Kesedaran pengguna kepada kenderaan sebegini di negara maju seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun meningkat menyebabkan permintaan kepada kenderaan menjadi lebih besar. Di China pula, ia berlaku kerana pencemaran alam sekitar yang kronik akibat pembangunan yang pesat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

**TARIKH : 13 MAC 2019
MENJAWAB**

SOALAN : 61

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hubungan pihak eksekutif dengan Jabatan Peguam Negara memandangkan e-mel pekeliling yang dikeluarkan oleh Peguam Cara Negara III kepada pegawai-pegawainya merujuk kepada satu mesyuarat Kabinet pada 19 Disember 2018 menyampaikan arahan dari Perdana Menteri iaitu kes jenayah yang difailkan atas individu tertentu perlu dijalankan mengikut jadual dan tidak boleh ditangguhkan.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Peguam Negara merupakan suatu Jabatan Kerajaan yang fungsi terasnya dijalankan oleh pegawai undang-undang di bawah perkhidmatan kehakiman dan perundangan selaras dengan Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan.
2. Walaupun Peguam Negara merupakan penasihat undang-undang utama kepada pihak eksekutif, namun bagi hal perkara berkaitan perbicaraan sesuatu kes jenayah, Peguam Negara sebagai Pendakwa Raya yang mempunyai kuasa budi bicara untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding kesalahan jenayah selaras dengan Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan tidak menerima arahan daripada pihak eksekutif dan adalah bebas.
3. Berhubungan dengan pengendalian kes jenayah, subseksyen 172B(1) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] memperuntukkan bahawa pengurusan kes hendaklah dimulakan dalam masa enam puluh hari dari tarikh tertuduh dipertuduh di mahkamah dan subseksyen 172B(4) Kanun Tatacara Jenayah pula memperuntukkan bahawa suatu perbicaraan hendaklah dimulakan tidak lewat daripada sembilan puluh hari dari tarikh tertuduh dipertuduh di mahkamah.

“Case management

172B. (1) A Magistrate, Sessions Court Judge or Judge of the High Court, as the case may be, shall commence a case management process within sixty days from the date of the accused being charged and claims to be tried.

(2) . . .

(3) . . .

(4) The trial shall commence not later than ninety days from the date of the accused being charged.”.

4. Seterusnya Kanun Tatacara Jenayah juga memperuntukkan bahawa suatu kes jenayah hendaklah diselesaikan mengikut tempoh masa perbicaraan yang telah ditetapkan oleh Mahkamah. Oleh itu, Timbalan Pendakwa Raya telah diarahkan supaya tidak memohon apa-apa penangguhan perbicaraan kes kecuali atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

5. Selaras dengan peruntukan Kanun Tatacara Jenayah dan mengambil kira peringatan daripada Perdana Menteri, Peguam Cara Negara III telah mengeluarkan e-mel pekeliling memaklumkan arahan Peguam Negara kepada pegawai-pegawai yang mengendalikan kes-kes melibatkan individu tertentu perlu dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan oleh mahkamah tanpa sebarang penangguhan.

6. Jabatan Peguam Negara sebagai sebahagian daripada jentera pentadbiran persekutuan akan melaksanakan apa-apa arahan daripada Kerajaan Persekutuan selagi arahan tersebut tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang bertulis yang lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG
@ TAMBAT [LUBOK ANTU]**

TARIKH : 13 MAC 2019 [RABU]

SOALAN NO. 62

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan untuk meneliti semula kepentingan dan keperluan Balai Bomba Kelas D di kawasan penduduk P203 Lubok Antu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil maklum terhadap keperluan balai bomba di kawasan Lubok Antu, Sarawak. Pada masa ini, kawasan Lubok Antu mendapat perlindungan kebakaran dari Balai Bomba dan Penyelamat (BPP) Sri Aman serta Balai Bomba dan Penyelamat (BPP) Betong dengan jarak perjalanan kedua-dua BPP lebih kurang 80 kilometer.

2. Khidmat kebombaian di kawasan tersebut juga dibantu oleh Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Lubok Antu dengan kekuatan 41 orang anggota dan sebuah kenderaan bomba yang dilengkapi dengan pam angkut. Turut memberi sokongan kepada PBS Lubok Antu adalah PBS Engkilili dengan kekuatan 15 orang anggota pada jarak perjalanan sejauh 30 kilometer.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, KPKT sedang mengenal pasti tapak yang bersesuaian bagi tujuan pembinaan balai bomba. Proses perolehan tanah dijangka dapat diselesaikan pada tahun 2019. Sehubungan itu, KPKT akan memohon projek Balai Bomba dan Penyelamat di Parlimen Lubok Antu untuk dimasukkan dalam Rolling Plan Kelima (RP5), RMKe-11, Tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
 : **[ARAU]**
TARIKH : **13 MAC 2019 (RABU)**

SOALAN NO. 64

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah benar Beting Patinggi Ali terletak pada jarak 83 batu nautika dari persisiran pantai Sarawak, padahal sempadan Malaysia dalam Zon Ekonomi Eksklusif adalah 200 batu nautika dari persisiran pantai Malaysia. Jarak Beting Patinggi Ali pula dengan negara China ialah 4000 batu nautika. Jika benar, negara Malaysia Baharu yang berdaulat tidak wajar diperkosa kedaulatannya oleh negara asing, mohon diperjelaskan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM) ingin memaklumkan bahawa jarak Beting Patinggi Ali (BPA) adalah lebih kurang 90 batu nautika atau 166.7 km dari persisiran pantai Miri, Sarawak.
2. Secara dasarnya Kerajaan Malaysia berpendirian bahawa dalam isu berkaitan Laut China Selatan, sebarang pertikaian perlulah diselesaikan melalui perbincangan, dialog dan rundingan dengan negara-negara menuntut terlibat.
3. Memandangkan kebanyakan negara menuntut merupakan negara ahli yang telah menandatangani dan memperakui Konvensyen Undang-Undang Laut 1982 (*United Nations Convention on the Law of the Sea –UNCLOS 1982*), maka sebarang pertikaian di Laut China Selatan dengan mana-mana pihak perlulah mengikut undang-undang antarabangsa ini.
4. Kerajaan Malaysia sentiasa mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara dari ancaman luar dan sekiranya pertikaian tidak boleh diselesaikan melalui kaedah dalam Perkara 2, Malaysia boleh mengambil tindakan untuk membawa perkara ke pihak ketiga seperti *International Court of Justice (ICJ)*, *International Tribunal for the Law of the Sea (ITLOS)* atau mana-mana Tribunal Timbang Tara jika perlu.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]

TARIKH : 13 MAC 2019
MENJAWAB

SOALAN : 64

YB TUAN William Leong Jee Keen [Selayang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada perkara 153 Perlembagaan Persekutuan harus dipinda agar Orang Asli di Semenanjung Malaysia menikmati hak keistimewaan bersama dengan kaum Melayu dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di- Pertua,

1. Walaupun berdasarkan Fasal (2) Perkara 160, Fasal (6) dan (7) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan, orang asli tidak termasuk di bawah tafsiran “orang Melayu” dan takrifan “anak negeri”, Kerajaan masih lagi bertanggungjawab untuk melindungi kepentingan yang sah kaum-kaum lain termasuklah orang asli di bawah Fasal (1) Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

2. Selain Fasal (1) Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan, perenggan (c) Fasal (5) Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan perlindungan kepada orang asli seperti yang berikut:

“Kesamarataan

8. (5) *Perkara ini tidak menidaksahkan atau melarang—*

(c) apa-apa peruntukan bagi perlindungan, kesentosaan atau pemajuan orang asli Semenanjung Tanah Melayu (termasuk perizaban tanah) atau perizaban bagi orang asli suatu perkadaran yang munasabah daripada jawatan-jawatan yang sesuai dalam perkhidmatan awam;”.

3. Apa-apa cadangan pindaan yang menyentuh hak dan keistimewaan yang diperuntukkan di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan adalah tertakluk kepada Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan.

4. Fasal (3) Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa sesuatu Rang Undang-Undang bagi membuat apa-apa pindaan kepada Perlembagaan (selain pindaan yang dikecualikan daripada peruntukan Fasal ini) dan sesuatu Rang Undang-Undang bagi membuat apa-apa pindaan kepada sesuatu undang-undang yang diluluskan di bawah Fasal (4) Perkara 10 tidaklah boleh diluluskan di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen melainkan jika Rang Undang-Undang itu telah disokong pada Bacaan Kali Kedua dan Kali Ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli Majlis Parlimen.

5. Prof. Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi dalam buku beliau bertajuk *Document of Destiny* —

(a) di muka surat 697 menghuraikan seperti yang berikut:

“The orang asli are not within the definition of a Malay unless they satisfy all four requirements of Article 160(2). Nor are they ‘natives’ as that term is confined to the indigenous races of Sabah and Sarawak. Article 153 is not applicable to the orang asli. However under Article 8(5)(c) the Constitution permits measures for the protection, well-being or advancement of the aboriginal peoples of the Malay Peninsula. An example of such law is the Aboriginal Peoples

Act 1954 that establishes orang asli areas and orang asli reserves.”.

- (b) di muka surat 267 menghuraikan mengenai pengecualian yang diberikan di bawah Fasal (5) Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

“No legal rule can be absolute and unbending. In a living system many departures have to be permitted to cater to the exigencies of a complex social and political life. ...

Protective discrimination can be resorted to in favour of the aborigines of the Malay Peninsula.”.

6. Perlindungan kepada orang asli seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan (c) Fasal (5) Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan telahpun dilaksanakan melalui Akta Orang Asli 1954 [Akta 134] bagi mewujudkan kawasan orang asli (*“aboriginal area”*) dan rizab orang asli (*“aboriginal reserve”*).

7. Hak kepada tanah yang berpihak kepada orang asli juga telah diputuskan dalam beberapa kes mahkamah sebagai contoh dalam kes ***Sagong Tasi & Ors. v. Kerajaan Negeri Selangor & Ors. [2002] 2 CLJ 543*** yang menyatakan bahawa *“it is manifestly clear that under art. 8(5)(c) of the Constitution and the Act the plaintiffs have the right to be protected and the right to well-being and advancement, in particular to land use.”*

8. Oleh yang demikian adalah jelas kedudukan orang asli dijamin di bawah undang-undang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
[BATANG SADONG]**

TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 65

DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan jumlah peruntukan bagi menggantikan sistem saluran paip, menaik taraf loji rawatan air, pembangunan sumber air mentah dan membina kolam takungan di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Di bawah *Rolling Plan* Keempat (RP4 - 2019-2020) Rancangan Malaysia Kesebelas, Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan pinjaman berjumlah RM1.747 bilion bagi kerja-kerja penggantian saluran paip, menaiktaraf loji rawatan air, pembangunan sumber air mentah dan pembinaan kolam takungan di Sarawak. Daripada jumlah itu, RM81.2 juta adalah untuk tahun 2019.
2. Dalam pada itu, Kerajaan Persekutuan turut menyediakan peruntukan geran berjumlah RM71 juta di bawah RP4 bagi membantu Sarawak menguruskan isu *Non-Revenue Water* dengan lebih berkesan. Dari jumlah itu, RM10.8 juta adalah bagi peruntukan tahun 2019.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 13 MAC 2019

SOALAN : 66

Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan segelintir masyarakat pada masa kini meminum minuman keras di merata-rata tempat sehingga kawasan taman permainan kanak-kanak, depan sekolah, bucu di dalam taman menjadi tempat minum atau boleh dikatakan port untuk minum. Kejadian ini menyusahkan ramai orang terutamanya golongan perempuan dan mereka berasa tidak selesa. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi dan mengelakkan masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelbagai usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam meningkatkan tahap keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Pemeriksaan rutin terhadap tempat dan lokasi yang mampu dan berpotensi berlaku jenayah sering diadakan oleh anggota '*front-liner*'. Antara langkah yang telah diambil oleh PDRM adalah seperti:-

i) Unit MPV adalah satu elemen yang menjadi '*front liner*' dalam melaksanakan tugas rondaan di setiap kawasan perumahan dan bertindak sebagai '*First Responder*' terhadap mana-mana insiden yang berlaku jenayah, ketenteraman awam, krisis, bencana dan kemalangan jalan raya;

ii) Unit URB (Unit Rondaan Bermotosikal) juga menjalankan tugas rondaan dengan menggunakan motosikal. Tugas rondaan ini bukan sahaja untuk pemeriksaan di kawasan penduduk/premis tetapi meningkatkan kesedaran tentang keselamatan semata-mata namun bertujuan memberi maklumat kepada masyarakat mengenai tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku jenayah;

iii) Persatuan kepolisan Komuniti ataupun 'Community Policing' dengan dipantau oleh pihak polis adalah bertujuan untuk membantu penduduk sekitar dalam menjaga keselamatan persekitaran kawasan perumahan tersebut melalui rondaan di kawasan taman-taman perumahan bagi membolehkan komuniti menyalurkan maklumat kepada pihak polis;

iv) Pihak Polis telah mengambil inisiatif baru dengan mencipta satu aplikasi yang baru bagi merencanakan aktiviti pencegahan jenayah melalui pendaftaran aplikasi Volunteer Smartphone Patrol (VSP). Aplikasi ini, memberi kemudahan kepada pengguna telefon pintar untuk menyalurkan maklumat atau aduan dilengkapi gambar dan video. Setiap maklumat pengguna aplikasi ini dirahsiakan bagi menjamin keselamatan pengguna. Oleh itu, Melalui aplikasi ini, semua orang boleh menyalurkan maklumat; dan

v) Dibawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri, tindakan boleh diambil terhadap orang Islam yang didapati bersalah terlibat dengan minuman keras.

Usaha PDRM mengurangkan jenayah juga perlu dibantu semua pihak termasuk badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) malah masyarakat sendiri juga berperanan dalam mendidik dan menggalakkan orang ramai tampil ke hadapan dalam sama-sama membantu mencegah jenayah. Pihak berkuasa tempatan juga perlu memperkenalkan inisiatif dan melaksanakan garis panduan di bawah konsep Bandar Selamat dengan menyediakan ciri-ciri keselamatan seperti membina penghadang untuk mengasingkan laluan penjalan kaki dengan jalan raya bagi mencegah kes ragut, menambah pemasangan CCTV berdefinisi tinggi di kawasan berpotensi jenayah akan berlaku dan memasang lampu pada waktu malam di kawasan kerap berlaku jenayah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melihat NGO atau dikenali sebagai pertubuhan sukarela kebajikan (PSK) sebagai rakan strategik yang melengkapi usaha Kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan sehingga ke peringkat akar umbi.

Sebagai sokongan kepada usaha untuk melengkapi dan memperluaskan perkhidmatan kebajikan dan kemudahan kepada golongan masyarakat yang memerlukan, Kerajaan melalui KPWKM telah menyediakan geran kepada PSK untuk membantu pembiayaan sebahagian kos operasi PSK bagi memastikan program dan aktiviti yang dijalankan oleh PSK mencapai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua,

JKM telah menyalurkan peruntukan sebanyak **RM587,045.80** kepada **tiga (3)** buah Pusat Pemulihan Komuniti (PDK) yang terdapat di kawasan Parlimen Kota Samarahan yang memberi manfaat kepada **148** orang OKU.

Pihak KPWKM akan terus komited dalam menjalin kerjasama strategik dengan PSK untuk memastikan kesejahteraan OKU sewajarnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN
[RASAHI]
TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 68

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini tindakan penguatkuasaan yang telah diambil ke atas Mawar Medical Centre pada 14 Februari 2019 yang lepas.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Mawar Medical Centre, Seremban telah dilesenkan sebagai sebuah hospital swasta oleh Kementerian Kesihatan bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*], dengan pemegang lesennya syarikat Pusat Hemodialisis Mawar.

Walau bagaimanapun, disebabkan oleh kegagalan pemegang lesen untuk mematuhi keperluan-keperluan operasi di bawah Akta 586, lesen hospital swasta ini telah dibatalkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan berkuatkuasa **14 Disember 2018**. Pembatalan lesen ini telah disahkan dan dimuktamadkan oleh YB Menteri Kesihatan, selaras dengan kuasa di bawah seksyen 49(2), Akta 586. Semua perkhidmatan jagaan kesihatan di hospital ini telah diarahkan untuk dihentikan, termasuk perkhidmatan di unit hemodialisis.

Susulan itu, pihak syarikat Pusat Hemodialisis Mawar bertanggungjawab untuk memastikan penyambungan rawatan hemodialisis bagi setiap pesakit di unit hemodialisis tersebut, termasuk pengurusan pemindahan pesakit-pesakit ke pusat hemodialisis yang lain, serta menanggung apa-apa kos yang terlibat dalam operasi pemindahan tersebut. Tanggungjawab ini adalah sepertimana ketetapan Peraturan 320(c), Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Lain) 2006 [*P.U.(A)138/2006*].

Yang di-Pertua,

Walaupun syarikat Pusat Hemodialisis Mawar (PHM) telah diberikan arahan dan makluman berkaitan tanggungjawab pemindahan pesakit susulan arahan penutupan ini sejak 14 Disember 2018, tiada tindakan proaktif yang dilihat daripada syarikat PHM ini bagi melunaskan tanggungjawab tersebut.

Sebaliknya, syarikat PHM telah mengeluarkan notis bertarikh 31 Januari 2019 yang ditampal pada pintu masuk utama lobi premis, memaklumkan bahawa 14 Februari 2019 adalah hari terakhir perkhidmatan hemodialisis akan disediakan di Mawar Medical Centre, Seremban. Notis tersebut juga mengarahkan supaya pesakit-pesakit hemodialisis sedia ada yang seramai 274 orang membuat perkiraan sendiri (*own arrangement*) bagi meneruskan rawatan hemodialisis masing-masing di mana-mana premis hemodialisis lain, bermula 15 Februari 2019.

Seterusnya, pihak syarikat PHM telah mengemukakan surat bertarikh 1 Februari 2019 kepada Menteri Kesihatan, memohon supaya pihak Kementerian membantu menempatkan pesakit-pesakit mereka ke pusat-pusat hemodialisis yang lain, disebabkan oleh kekangan kewangan di pihak PHM selepas pembatalan lesen pada 14 Disember 2018 yang lalu.

Seperti yang telah berulang kali ditegaskan, Kementerian Kesihatan tidak akan pernah memandang enteng terhadap aspek keselamatan pesakit, hatta dalam hal tindakan penguatkuasaan sekali pun. Malah, dalam hal ini, pihak PHM telah diberikan tempoh selama dua (2) bulan untuk menguruskan pemindahan pesakit, serta menyelesaikan hal-hal berkaitan pelesenan yang menyebabkan lesen Mawar Medical Centre tersebut dibatalkan. Namun, pihak syarikat PHM memilih untuk mencabar pihak Kementerian, melalui notis bertarikh 31 Januari dan surat bertarikh 1 Februari 2019 yang dikeluarkan.

Tindakan pihak PHM ini secara langsung telah meletakkan Kementerian Kesihatan dalam situasi yang amat sukar, terutamanya apabila nyawa seramai 274 pesakit dijadikan taruhan. Kementerian tidak mempunyai pilihan lain selain daripada melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas premis tersebut, serta terpaksa menggalas tanggungjawab pihak PHM dalam memastikan kesinambungan rawatan hemodialisis bagi pesakit-pesakit ini.

Susulan tindakan penguatkuasaan tersebut, pesakit-pesakit hemodialisis Mawar Medical Centre ini telah dihubungi oleh pihak

Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan untuk hadir ke Hospital Tuanku Jaafar Seremban pada 15 Februari 2019 bagi tujuan saringan dan pelan kesinambungan rawatan. Sehingga 16 Februari 2019, daripada 274 pesakit berdaftar:

- i. 138 orang pesakit telah ditempatkan secara sementara ke enam (6) buah hospital awam di seluruh Negeri Sembilan (*Hospital Tuanku Jaafar Seremban, Hospital Tuanku Ampuan Najihah Kuala Pilah, Hospital Port Dickson, Hospital Tampin, Hospital Jelebu, dan Hospital Jempol*);
- ii. 118 orang pesakit telah dipindahkan ke unit/pusat hemodialisis swasta berlesen di seluruh Negeri Sembilan (*mengisi kekosongan slot sedia ada, yang telah dikenalpasti sebelum tindakan penguatkuasaan dimulakan*);
- iii. 16 orang pesakit masih belum dapat dihubungi pada ketika itu;
- iv. 1 orang pesakit telah memulakan rawatan CAPD; dan
- v. 1 orang pesakit telah meninggal dunia pada 12 Februari 2019.

Pada masa yang sama, kertas siasatan bagi pelanggaran Seksyen 3, Akta 586 dan Peraturan 320(c), P.U.(A)138/2006 ini telah dilengkapkan, dan kini dalam semakan lanjut pihak Jabatan Peguam Negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]
TARIKH : 13.3.2019 (RABU)

SOALAN NO. 69

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kementerian akan menyiapkan pembinaan sekolah-sekolah menggunakan teknologi IBS yang di bawah pengelolaan Kementerian Pendidikan untuk SK Merambut, SK Long Napir dan SK Pengkalan Jawa di Parlimen Limbang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat komited untuk melaksanakan projek pembangunan terutama di sekolah-sekolah yang telah dikenal pasti sebagai sekolah daif. Pelaksanaan projek bagi sekolah Sekolah Kebangsaan Merambut, Sekolah Kebangsaan Long Napir dan Sekolah Kebangsaan Pengkalan Jawa dijangka siap pada Jun 2019.

Kementerian sentiasa memantau dan memberi perhatian serius terhadap prestasi pelaksanaan projek-projek pembaikan sekolah daif termasuk mengambil tindakan mengeluarkan Notis Tujuan Penamatan kepada mana-mana kontraktor yang menunjukkan prestasi rendah.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 70

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan secara terperinci perancangan Kementerian mengenai pembangunan konsep pertanian moden dan berteknologi tinggi dan sejauh mana penerimaannya di kalangan masyarakat petani di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyedari bahawa pelaksanaan konsep pertanian moden dan berteknologi tinggi dalam sektor tanaman, ternakan dan perikanan merupakan sesuatu yang amat penting untuk diteroka berikutan keperluan yang semakin mendesak untuk meningkatkan produktiviti dalam keadaan kekurangan sumber seperti tanah dan tenaga pekerja. Justeru itu, beberapa konsep pertanian moden dan berteknologi tinggi telah diaplikasikan dan akan terus diperkenalkan ke dalam industri agromakanan negara.

Bagi sektor tanaman, teknologi "*Monorack*" merupakan salah satu teknologi moden dalam pengangkutan hasil sayur-sayuran/buahan yang telah diperkenalkan dan digunakan di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Lojing di Cameron Highlands. Melalui teknologi ini, proses pengumpulan hasil dapat dilakukan dengan lebih cepat dan

SOALAN NO : 70

berpusat. Oleh itu kerosakan hasil tanaman akibat kelambatan penghantaran dapat dikurangkan dan secara tidak langsung, hasil pertanian yang segar dapat dipasarkan kepada pengguna dengan lebih cepat dan berkesan.

Selain itu, penggunaan teknologi "*cableway*" juga telah diaplikasikan sebagai pengangkutan hasil pisang di Mersing, Johor. Terkini, penggunaan teknologi "*Water Finder*" juga sedang diusahakan dan masih dalam peringkat pengumpulan data. "*Water Finder*" berfungsi untuk tujuan explorasi air atau pengesanan/pencarian sumber air bawah tanah untuk kegunaan pertanian. Ketika ini, terdapat juga pengusaha yang telah mengaplikasikan teknologi *Internet of Things* (IOT) dalam aktiviti pertanian bagi pengawalan sistem pengairan dan pembajaan pertanian secara tepat dan jarak jauh melalui gajet seperti telefon pintar.

Bagi sektor Ternakan pula, diantara konsep pengurusan moden yang dilaksana adalah menggunakan teknologi reban tertutup atau '*closed-house*' bagi ayam dan babi. Sistem ini direkabentuk supaya persekitaran dalaman iaitu suhu, udara dan pembuangan bahan buangan dikawal. Penerimaan masyarakat bagi teknologi ini juga menggalakkan dimana pada tahun 2018 dari keseluruhan ladang ternakan terdapat 80 ladang babi (12%), 548 ladang ayam pedaging (21.6%) dan 65 ladang ayam penelur (21.1%) telah mengamalkan sistem '*closed-house*'.

Selain daripada teknologi '*closed-house*', terdapat juga teknologi lain seperti konsep pengurusan ladang '*zero discharge*' terutamanya di ladang babi yang boleh mengurangkan isu pencemaran melalui pengitaran semula bahan buangan ladang.

Di samping itu, teknologi dalam penghasilan makanan ternakan yang menggunakan kaedah moden juga telah diperkenalkan seperti "*Fodder solution*" atau kaedah penanaman makanan ternakan dalam tempoh singkat. Dalam masa yang sama, penggunaan mesin *Total Mix Ration* (TMR) telah digunakan bagi penyediaan makanan ternakan yang terumus.

SOALAN NO : 70

Bagi sektor perikanan, MOA melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah merangka program-program seperti berikut:

- (i) Program pemodenan vesel penangkapan ikan selaras dengan *International Maritime Organization (IMO)*, *International Conventions* dan *International Association of Classification Societies (IACS)* serta keperluan untuk mematuhi *Hygiene on Board / Fish Quality Certification*, Sijil Layak Layar dan diinsuranskan;
- (ii) Penggunaan teknologi bagi aktiviti penangkapan ikan dan pengawasan vesel seperti *Fishing Site Identification System (FSI)*, *juvenil and trash excluder device (JTED)* dan pemasangan alat *automatic identification system (AIS)* atau *vessel monitoring system (VMS)*; dan
- (iii) Penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam pengeluaran akuakultur meliputi pembangunan baka dan peningkatan kualiti benih.

Penerimaan petani dan usahawan terhadap keperluan konsep pertanian moden dan berteknologi tinggi adalah sangat menggalakkan kerana mereka memahami bahawa dengan adanya jentera dan mesin dan teknologi terkini ini, produktiviti kerja akan meningkat begitu juga dengan peningkatan kepada hasil pengeluaran dan pendapatan mereka.

Halangan petani dan usahawan adalah dari segi modal untuk memperoleh sendiri jentera/mesin atau apa sahaja teknologi moden yang melibatkan kos yang tinggi. Oleh itu, bantuan kerajaan amat diperlukan dalam aspek khidmat kepakaran bagi penyediaan mekanisasi & automasi moden supaya mereka dapat bersaing dalam mengeluarkan hasil yang lebih berkualiti dan dalam kuantiti yang maksimum serta berskala besar.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]**

TARIKH : 13.3.2019 (RABU)

SOALAN NO. 71

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah pihak Kementerian memantau sijil-sijil palsu termasuk diploma, ijazah dan lain-lain yang terdapat di dalam negara yang digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mendapatkan pekerjaan dan setakat ini berapakah jumlahnya yang telah berjaya dikesan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius isu penggunaan kelulusan akademik palsu terutamanya oleh segelintir pihak bagi kepentingan-kepentingan tertentu. Dalam konteks pengurusan pendidikan tinggi swasta, pihak Kementerian sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bagi memastikan IPTS sentiasa mematuhi akta dan peraturan di bawah Akta 555 (Akta IPTS 1996).

Bagi mengekang penularan kes-kes kelulusan akademik palsu yang semakin menjadi-jadi ketika ini, Kementerian telah mengambil pelbagai inisiatif yang mencakupi langkah-langkah pemantauan dan pencegahan serta tindakan bersifat punitif sekiranya mempunyai keterlibatan IPTS antaranya:

SOALAN NO : 71

- (a) bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi menyekat akses ke laman-laman sesawang yang disyaki menawarkan atau menjual sijil kelayakan akademik palsu secara atas talian. Bantuan Kementerian Luar turut dipohon oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menyerahkan nota diplomatik kepada negara-negara lain memaklumkan pihak berkuasa negara tersebut bahawa terdapatnya hos pelayan (*server*) yang menawarkan perkhidmatan penjualan kelayakan akademik palsu secara atas talian;
- (b) berkongsi maklumat siasatan dan risikan dengan agensi penguat kuasa lain seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) khususnya bagi kes-kes penawaran kelayakan akademik palsu yang didalangi sindiket tertentu serta boleh mendatangkan kerugian ke atas mana-mana pihak;
- (c) memberi penerangan dari masa ke semasa kepada masyarakat bagi meningkatkan tahap kesedaran serta sentiasa berwaspada dengan menyemak status program pengajian yang diluluskan melalui *Malaysia Qualification Agensi* (MQA) dan Kementerian Pendidikan Malaysia sekiranya melibatkan institusi dalam negara dan sekiranya institusi luar negara, ianya boleh disemak melalui pihak berkuasa negara berkenaan; dan
- (d) menggalak dan menyarankan Institusi-institusi Pendidikan Tinggi (IPT) mengguna pakai teknologi dan ciri keselamatan terkini bagi memelihara ketulenan dan kesahihan maklumat yang dipaparkan sijil, diploma dan ijazah yang dikeluarkan. Terdapat IPT dalam negara yang telah membangunkan mekanisme semakan rekod kelayakan akademik yang efisien dan mesra pengguna seperti penggunaan QR Code pada sijil. Dengan ini proses semakan menjadi lebih mudah dan maklumat yang tepat dan dipercayai dapat dikemukakan kepada pengguna. Sebagai contoh, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) merupakan institusi pengajian tinggi pertama menggunakan Sistem Pengeluaran dan Pengesahan Universiti atau '*e-Scroll*' yang menggunakan teknologi *Blockchain*.

SOALAN NO : 71

Proses pengesahan dapat dibuat di seluruh dunia dengan pantas dengan mengimbas kod respon pantas atau kod QR yang dicetak pada ijazah berkenaan. Sistem *e-Scroll* ini turut diguna pakai di Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Dengan menggunakan sistem ini, pihak-pihak berkepentingan seperti majikan boleh membuat semakan bagi menentukan kesahihan dan ketulenan sijil tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah membangunkan sistem pangkalan data bagi penerima Ijazah Kehormat dan Doktor Falsafah (Ph.D) di peringkat Kementerian. Pangkalan data ini melibatkan graduan daripada IPTA dan IPTS yang bergraduat di Malaysia sahaja. Sistem ini sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa. Bagi fasa seterusnya, kementerian bercadang untuk memperluaskan penggunaannya meliputi pemegang kelayakan akademik peringkat sijil, ijazah sarjana muda dan sarjana di IPTA dan IPTS dalam negara dan warganegara Malaysia yang mendapat Ph.D dari institusi di luar negara. Semakan nama boleh dilakukan dengan melayari pautan: <https://dohe.moe.gov.my/award/> .

Tuan Yang di-Pertua,

Aspek integriti dan profesionalisme tenaga pengajar akademik di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang dikawal selia oleh kementerian sentiasa dipastikan supaya berada pada tahap piawaian yang telah ditetapkan dan tidak menggunakan kelulusan akademik palsu untuk tujuan mengajar. Seksyen 51 Akta 555 memperuntukkan bahawa tenaga pengajar IPTS perlu mendapatkan permit mengajar yang dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar sebelum dibenarkan mengajar di mana-mana IPTS.

Selain itu Seksyen 77 Akta 555 menyatakan bahawa sesuatu IPTS yang mengendalikan apa-apa kursus pengajian atau program latihan yang baginya sijil, diploma atau ijazah dianugerahkan secara berlawanan dengan akta ini, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

SOALAN NO : 71

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod, sebanyak 16 kes pemalsuan dokumen akademik melibatkan IPTS dan institusi-institusi swasta lain diterima kementerian dari tahun 2016 hingga kini. Majoriti aduan-aduan ini sedang disiasat oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) di bawah Seksyen 465 Kanun Keseksaan. Terdapat juga antara aduan tersebut yang melibatkan institusi yang berdaftar dengan kementerian lain selain daripada KPM.

Aduan-aduan yang diterima kementerian yang mengaitkan IPTS dengan pengeluaran sijil dan ijazah palsu tanpa melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang sempurna telah disiasat dan didapati tiada bukti kukuh menunjukkan kegiatan ini berlaku di IPTS. Kebanyakan aktiviti penjualan kelayakan akademik palsu ini didalangi sindiket-sindiket tertentu yang berpangkalan sama ada di dalam mahupun di luar negara. Kes-kes yang mempunyai penglibatan sindiket seperti ini diambil tindakan oleh pihak PDRM berpandukan siasatan di bawah Kanun Keseksaan atau pihak SPRM menerusi Akta SPRM 2009. Pihak kementerian akan meneruskan dan mempertingkatkan lagi kerjasama dengan agensi-agensi yang berkenaan agar isu penggunaan kelayakan akademik palsu ini dapat dibendung daripada terus berleluasa.

Selain itu, MQA turut memberi penerangan kepada Institusi Pendidikan Tinggi melalui sesi Dialog bersama PPT yang diadakan secara berkala mengikut zon. Setiap majikan Institut Pendidikan Tinggi (IPT) bertanggungjawab untuk menyaring setiap maklumat pemohon sebelum dilantik ke jabatan masing-masing untuk kesahihan sijil atau ijazah yang digunakan.

Dalam konteks penilaian akreditasi, jika mana-mana IPT memalsukan maklumat permohonan termasuk maklumat kelayakan staf akademik, maka ia boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 99 Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679) jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM 20,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 72

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan :-

- (a) apakah Kerajaan akan mengadakan banci penduduk dalam masa terdekat; dan
- (b) berapakah jumlah terkini warganegara Malaysia di Sabah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan melaksanakan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia (BANCI 2020) pada Julai, 2020. Ini merupakan banci keenam sejak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Tujuan BANCI 2020 adalah untuk mendapatkan stok penduduk dan perumahan yang komprehensif dan terperinci pada suatu masa. Ia mengikut ciri-ciri demografi dan sosio-ekonomi penduduk sehingga ke peringkat geografi terkecil.
2. Maklumat daripada BANCI 2020 ini akan menjadi input untuk perancangan pembangunan negara termasuk pengagihan per kapita seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Ia juga menjadi asas pengiraan Anggaran Penduduk semasa dan Unjuran bagi Penduduk dan Tempat Kediaman bagi tempoh 30 tahun. Semua maklumat yang diperoleh melalui BANCI 2020 akan menjadi input penanda aras baharu dalam penyediaan indikator sosioekonomi negara.
3. Jumlah anggaran Penduduk Sabah adalah seperti berikut:

SABAH	2018	
Jumlah	3.9 juta	
Warganegara	2.7 juta	70.3%
Bukan Warganegara	1.2 juta	29.7%

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
13 Mac 2019

**DEWAN NEGARA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @
HASHIM [KUALA TERENGGANU]**

SOALAN : 73

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan akan memperkenalkan Akta Dana dan Pembiayaan Politik bagi menghapuskan politik wang serta memastikan transparensi dalam perolehan kewangan parti politik.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah bersetuju dengan cadangan penggubalan suatu rang undang-undang berhubung dengan pembiayaan politik. Bagi tujuan tersebut Kerajaan telah melihat undang-undang berkaitan dana politik negara luar yang bersesuaian untuk dijadikan panduan dan penanda aras di Malaysia. Setakat ini kajian telah dibuat kepada undang-undang negara seperti United Kingdom, Jerman, Amerika Syarikat, Australia, Singapura, Jepun, Korea Selatan, Indonesia, Austria, Chile dan Mexico. Rang undang-undang berkaitan dana politik ini akan dibentangkan di Parlimen kelak setelah semua perkara dasar dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
(SETIU)**

TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN :

Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir (SETIU) minta PERDANA MENTERI menyatakan garis panduan untuk pemimpin-pemimpin Kerajaan yang beragama Islam menghadiri dan menyertai majlis sambutan perayaan berasaskan kaum dan agama di negara ini.

**JAWAPAN : (YB DATO' SERI DR. MUJAHID BIN YUSUF, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Islam menerima dan meraikan realiti kepelbagaian. Namun wujudnya kepelbagaian bukan bermakna agama itu semuanya sama hingga melanggar batas-batas yang telah disyariatkan Allah SWT. Bahkan hikmah wujudnya kepelbagaian adalah supaya Islam dapat membuktikan dan melaksanakan rahmatnya melalui interaksi yang penuh kejujuran, kesopanan dan ketatasusilaan.

Penganjuran majlis sambutan perayaan berasaskan kaum dan agama di Malaysia seperti Majlis Hari Raya Aidil Fitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, Hari Gawai, Krismas dan sebagainya bertujuan meningkatkan persefahaman, toleransi dan tanda perpaduan masyarakat Malaysia. Oleh itu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-68 yang bersidang pada 12 April 2005, telah memperakui **Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama Orang Bukan Islam** untuk dijadikan rujukan dan panduan semua masyarakat muslim dalam menghadiri dan menyertai majlis sambutan perayaan berasaskan kaum dan fahaman agama di negara ini.

Garis Panduan menetapkan kriteria utama bagi perayaan orang bukan Islam yang boleh dihadiri dan disertai oleh masyarakat muslim iaitu:

- i) Majlis tersebut tidak disertakan dengan upacara-upacara yang bertentangan dengan akidah Islam.
- ii) Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang bertentangan dengan syarak.
- iii) Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam di negara ini.
- iv) Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang boleh menyentuh sensitiviti masyarakat Islam.

Sekian, terima kasih.